

- 2 Berapakah tempoh, dalam hari, bagi promosi beli-belah dalam talian seperti yang ditunjukkan?  
29 Mei 2020 hingga 5 Julai 2020  
=  hari

### Cara 1

29 Mei hingga 31 Mei → 3 hari  
1 Jun hingga 30 Jun → 30 hari  
1 Julai hingga 5 Julai → + 5 hari  
Jumlah hari → 38 hari



### Cara 2

29 Mei hingga 31 Mei = 31 hari – 29 hari + 1 hari  
= 3 hari

Perlu **tambah 1 hari** kerana 29 Mei diambil kira.

Bilangan hari dalam Jun = 30 hari

1 Julai hingga 5 Julai = 5 hari – 1 hari + 1 hari  
= 5 hari

Perlu **tambah 1 hari** kerana 1 Julai diambil kira.

Jumlah hari: 3 hari + 30 hari + 5 hari = 38 hari

29 Mei 2020 hingga 5 Julai 2020 = **38** hari

Tempoh promosi beli-belah dalam talian ialah **38 hari**.

Jika promosi itu dilanjutkan hingga 16 Ogos, hitung tempoh, dalam hari, promosi itu diadakan.



Tempoh 62 hari adalah dari 1 hari bulan  hingga 31 hari bulan .  
Apakah bulan yang sesuai diisikan dalam  itu?



4.1.1 (ii)

- Bimbing murid mencari tempoh dalam hari dengan pelbagai cara. Kemukakan pelbagai soalan untuk mengukuhkan pemahaman murid.

## Tahun, bulan dan hari

### PROJEK UNTUK KESEJAHTERAAN PENDUDUK

PROJEK: MENAIK TARAF  
KOMPLEKS SUKAN  
TARIKH MULA: 1 DISEMBER 2019  
TARIKH SIAP: 19 JANUARI 2021

Hitung tempoh projek menaik taraf kompleks sukan, dalam hari, berpandukan maklumat di sebelah.

1 Disember 2019 hingga 19 Januari 2021  
=  hari

1.12.2019 hingga 31.12.2019 = 31 hari

1.1.2020 hingga 31.12.2020 = 366 hari

1.1.2021 hingga 19.1.2021 =  $(19 - 1 + 1)$  hari  
= 19 hari

Jumlah hari: 31 hari + 366 hari + 19 hari  
= 416 hari

1 Disember 2019 hingga 19 Januari 2021 = 416 hari

Tempoh projek menaik taraf kompleks sukan ialah 416 hari.



Cuba hitung tempoh, dalam hari, dari 13 Jun 2021 hingga 20 April 2023.



## CUBA INI

- Kira tempoh yang berikut. Nyatakan jawapan dalam hari dan jam.
  - 9:20 a.m., hari Sabtu hingga 11:20 a.m., hari Ahad.
  - Jam 1650, hari Isnin hingga jam 0550, hari Jumaat.
- Berapakah tempoh yang berikut dalam hari?
  - 2 Januari 2018 hingga 13 Januari 2018.
  - 14 Februari 2020 hingga 6 April 2020.
  - 9 Oktober 2019 hingga 5 Februari 2020.
- Berdasarkan jadual di sebelah, hitung tempoh, dalam hari, bagi:
  - projek fasa pertama.
  - projek fasa kedua.

Projek Pembinaan Rumah Kedai

Projek	Tarikh mula	Tarikh siap
Fasa Pertama	22.10.2018	17.1.2020
Fasa Kedua	25.2.2021	3.2.2023





# TUKAR UNIT MASA

## Jam ke minit

1



Tukar  $\frac{1}{2}$  jam kepada minit.

$$\frac{1}{2} \text{ jam} = \text{ } \text{minit}$$

$$\frac{1}{2} \text{ jam} = \left(\frac{1}{2} \times \frac{30}{60}\right) \text{ minit}$$
$$= 30 \text{ minit}$$

$$\frac{1}{2} \text{ jam} = 30 \text{ minit}$$

$\frac{1}{2}$  jam ialah 30 minit.



Tempoh rehat ialah  $\frac{1}{3}$  jam. Nyatakan dalam minit.



1 jam = 60 minit

jam  $\times 60$  minit

2  $1\frac{3}{4}$  jam =  minit

$$1\frac{3}{4} \text{ jam} = (1\frac{3}{4} \times 60) \text{ minit}$$

$$= \left(\frac{7}{4} \times \frac{15}{60}\right) \text{ minit}$$

$$= 105 \text{ minit}$$

$$1\frac{3}{4} \text{ jam} = 105 \text{ minit}$$



Jarum minit bergerak dari 12 hingga 1.


$$\frac{\text{ }}{\text{ }} \text{ jam} = \text{ } \text{ minit}$$



## JAM PECAHAN

- 1 Lengkapkan label pecahan pada muka jam.
- 2 Tampal jam pecahan dalam buku tulis.
- 3 Tulis tiga penukaran unit jam yang melibatkan pecahan.

Contoh:  $\frac{1}{4}$  jam =  minit



4.2.1(i)


- Bimbing murid menukar unit masa berdasarkan pengalaman dalam kehidupan harian mereka.
- Sediakan muka jam yang mencukupi untuk semua murid bagi aktiviti Jejak Bestari.

## Hari ke jam

1 a Tukar  $\frac{1}{3}$  hari kepada jam.

$$\frac{1}{3} \text{ hari} = \text{■} \text{ jam}$$

$$\frac{1}{3} \text{ hari} = 8 \text{ jam}$$



Telur lalat bertukar kepada larva dalam tempoh  $\frac{1}{3}$  hari hingga 1 hari.



$$\frac{1}{3} \text{ hari} = \left( \frac{1}{\cancel{3}} \times \frac{8}{1} \times 24 \right) \text{ jam}$$

$$= 8 \text{ jam}$$

$$\frac{1}{3} \text{ hari} = \text{■} \text{ jam}$$


$$\frac{1}{3} \text{ hari ialah } 8 \text{ jam.}$$



1 hari = 24 jam

hari  $\times 24$  → jam

### KITARAN HIDUP LALAT



b



Jika larva mengambil tempoh  $5\frac{1}{8}$  hari untuk bertukar kepada pupa, nyatakan tempoh itu dalam jam.

$$5\frac{1}{8} \text{ hari} = \text{■} \text{ jam}$$

$$5\frac{1}{8} \text{ hari} = \left( \frac{41}{\cancel{8}} \times \frac{3}{1} \times 24 \right) \text{ jam}$$

$$= 123 \text{ jam}$$

$$5\frac{1}{8} \text{ hari} = \text{■} \text{ jam}$$

Ingat kembali!

$$5\frac{1}{8} = \frac{5 \times 8 + 1}{8}$$

$$= \frac{41}{8}$$

Hitung  $16\frac{1}{4}$  hari dalam jam, iaitu tempoh pupa bertukar menjadi lalat.



- Bantu murid melayari Internet untuk mencari maklumat berkaitan masa. Contohnya, tempoh tidur yang berkualiti bagi kanak-kanak 6 – 12 tahun ialah  $\frac{5}{12}$  hari dan orang dewasa ialah  $\frac{1}{3}$  hari.
- Layari <https://rb.gy/s3xc3t>

## Tahun ke bulan

- 1 Gambar di sebelah menunjukkan usia sebuah lukisan cat minyak.

Tukar  $9\frac{1}{6}$  tahun kepada bulan.

$$9\frac{1}{6} \text{ tahun} = \text{■} \text{ bulan}$$

$$9\frac{1}{6} \text{ tahun} = (9 \times 12) \text{ bulan} + \left(\frac{1}{\cancel{6}} \times \cancel{12}^2\right) \text{ bulan}$$

$$= 108 \text{ bulan} + 2 \text{ bulan}$$

$$= 110 \text{ bulan}$$

$$9\frac{1}{6} \text{ tahun} = \text{110} \text{ bulan}$$

$9\frac{1}{6}$  tahun ialah 110 bulan.



- 2  $12\frac{2}{3}$  tahun = ■ bulan

$$12\frac{2}{3} \text{ tahun} = \left(\frac{38}{\cancel{3}} \times \cancel{12}^4\right) \text{ bulan}$$

$$= 152 \text{ bulan}$$

$$12\frac{2}{3} \text{ tahun} = \text{152} \text{ bulan}$$

$$\begin{array}{r} 38 \\ \times 4 \\ \hline 152 \end{array}$$



1 tahun = 12 bulan  
tahun  $\times 12$  → bulan

- 3

$$5\frac{1}{2} \text{ tahun} = \text{■} \text{ bulan}$$

**AQILAH**

$$5\frac{1}{2} \text{ tahun} = \left(5\frac{1}{\cancel{2}} \times \cancel{12}^6\right) \text{ bulan}$$

$$= (6 \times 6) \text{ bulan}$$

$$= 36 \text{ bulan}$$

**PETER**

$$5\frac{1}{2} \text{ tahun} = (5\frac{1}{2} \times 12) \text{ bulan}$$

$$= \left(\frac{11}{\cancel{2}} \times \cancel{12}^6\right) \text{ bulan}$$

$$= 66 \text{ bulan}$$

Siapakah yang mengira jawapan dengan betul? Mengapa?



4.2.1 (iii)

- Minta murid membuat carta pokok umur ahli keluarga dalam pecahan tahun dan menukarnya kepada bulan.

## Dekad ke tahun

1



Taman Sahabat Kuching, Sarawak dibina pada tahun 2005.

Berusia  $1\frac{1}{2}$  dekad pada tahun 2020.

Tukar  $1\frac{1}{2}$  dekad kepada tahun.

$$1\frac{1}{2} \text{ dekad} = \text{■} \text{ tahun}$$

$$1\frac{1}{2} \text{ dekad} = \left(\frac{3}{2} \times \frac{5}{10}\right) \text{ tahun}$$

$$= 15 \text{ tahun}$$

$$1\frac{1}{2} \text{ dekad} = \text{15} \text{ tahun}$$

$1\frac{1}{2}$  dekad ialah **15** tahun.

2



Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok dibina pada tahun 1964.

Berusia  $5\frac{3}{5}$  dekad pada tahun 2020.



$$5\frac{3}{5} \text{ dekad} = \text{■} \text{ tahun}$$

$$5\frac{3}{5} \text{ dekad} = (5 \times 10) \text{ tahun} + \left(\frac{3}{5} \times \frac{2}{10}\right) \text{ tahun}$$

$$= 50 \text{ tahun} + 6 \text{ tahun}$$

$$= 56 \text{ tahun}$$

$$5\frac{3}{5} \text{ dekad} = \text{56} \text{ tahun}$$



1 dekad = 10 tahun

dekad  $\times 10$  → tahun



Isikan petak kosong dengan 1 dan 10.  
Kedua-dua nombor itu boleh digunakan lebih daripada sekali.

■ dekad = ■ tahun

## Abad ke dekad

1


$\frac{2}{5}$  abad?



Telefon mudah alih ini telah diperkenalkan sejak  $\frac{2}{5}$  abad yang lalu.

Tukar  $\frac{2}{5}$  abad kepada dekad.  
 $\frac{2}{5}$  abad =  dekad

Cara 1



$\frac{2}{5}$  abad =  dekad

$\frac{2}{5}$  abad ialah **4 dekad**.

Cara 2

$$\frac{2}{5} \text{ abad} = \left( \frac{2}{\cancel{5}} \times \cancel{10}^2 \right) \text{ dekad}$$

$$= 4 \text{ dekad}$$



1 abad = 10 dekad  
 abad  $\times 10$  dekad

2  $3\frac{7}{10}$  abad =  dekad

$$3\frac{7}{10} \text{ abad} = \left( \frac{37}{\cancel{10}} \times \cancel{10} \right) \text{ dekad}$$

$$= 37 \text{ dekad}$$

$3\frac{7}{10}$  abad =  dekad



4.2.1 (v)

- Minta murid bercerita tentang barangan klasik yang berusia melebihi 10 tahun atau  $\frac{1}{10}$  abad yang pernah dijumpai untuk aktiviti penukaran unit masa itu kepada dekad.



## Abad ke tahun

1



Wah, jangka hayat penyu boleh mencapai  $\frac{9}{10}$  abad!




Tukar  $\frac{9}{10}$  abad kepada tahun.

$\frac{9}{10}$  abad =  tahun

1 abad = 100 tahun  
abad  $\times 100$  → tahun



Cara 1



$\frac{9}{10}$  abad = **90** tahun

Cara 2


$$\frac{9}{10} \text{ abad} = \left(\frac{9}{\cancel{10}} \times \cancel{100}\right) \text{ tahun} = 90 \text{ tahun}$$

$\frac{9}{10}$  abad ialah **90** tahun.

2 Hitung anggaran jangka hayat, dalam tahun, bagi Harimau Malaya.

Jangka hayat Harimau Malaya lebih kurang  $\frac{1}{5}$  abad.

$$\frac{1}{5} \text{ abad} = \left(\frac{\square}{\square} \times 100\right) \text{ tahun} = \square \text{ tahun}$$



Jangka hayat Harimau Malaya lebih kurang  tahun.

Berpandukan garis nombor, nyatakan  $\frac{3}{5}$  abad dalam tahun.





1 Tukar jam kepada minit.

a  $\frac{5}{6}$  jam

b  $\frac{1}{5}$  jam

c  $8\frac{1}{2}$  jam

2 Gambar rajah di bawah menunjukkan pergerakan jarum minit. Lengkapkan.



jam =  minit

jam =  minit

jam =  minit

3 Kira dan nyatakan jawapan dalam jam.

a  $\frac{1}{4}$  hari =

b  $2\frac{1}{2}$  hari =

c  $6\frac{3}{8}$  hari =

4 Hitung.

a  $\frac{2}{3}$  tahun =  bulan

b  $1\frac{3}{4}$  tahun =  bulan

5 Lengkapkan.

a  $\frac{1}{2}$  dekad =  tahun

b  $2\frac{4}{5}$  dekad =  tahun

c  $\frac{9}{10}$  abad =  dekad

d  $8\frac{1}{5}$  abad =  dekad

e  $6\frac{1}{4}$  abad =  tahun

f  $32\frac{1}{10}$  abad =  tahun

6 Isi petak kosong.

a  minit seperti  jam seperti  bulan  
 $\frac{1}{4}$  jam  $9\frac{2}{3}$  hari  $10\frac{1}{2}$  tahun

b  tahun seperti  dekad seperti  tahun  
 $\frac{1}{10}$  dekad  $7\frac{3}{5}$  abad  $13\frac{4}{5}$  abad



# TUKAR UNIT MASA LAGI

Jam ke minit



mula

## PROGRAM GOTONG-ROYONG TAMAN SEJAHTERA



tamat


Program gotong-royong yang ditunjukkan telah dijalankan selama 4.5 jam. Nyatakan tempoh program tersebut dalam minit.

$$4.5 \text{ jam} = \square \text{ minit}$$

### Cara 1

$$4.5 \text{ jam} = (4.5 \times 60) \text{ minit} \\ = 270 \text{ minit}$$

$$\begin{array}{r} 3 \\ 4.5 \\ \times 60 \\ \hline 270.0 \end{array}$$



Darab 60 minit untuk menukar unit jam kepada minit.

### Cara 2

$$4.5 \text{ jam} = 4 \text{ jam} + 0.5 \text{ jam} \\ = (4 \times 60) \text{ minit} + \left(\frac{5}{10} \times 60\right) \text{ minit} \\ = 240 \text{ minit} + 30 \text{ minit} \\ = 270 \text{ minit}$$

$$4.5 \text{ jam} = 270 \text{ minit}$$

Tempoh program gotong-royong ialah 270 minit.



- Darab seperti mendarab nombor bulat.
- Pastikan titik perpuluhan diletakkan pada tempat yang betul.

Satu taklimat ringkas sebelum program bermula dibuat selama 0.35 jam. Berapakah minit taklimat itu? Bincangkan.



- Minta murid menceritakan aktiviti yang dilakukan serta tempoh dalam unit perpuluhan jam.
- Bimbing murid menukar unit perpuluhan jam kepada minit.
- Terapkan nilai murni seperti bekerjasama, tolong-menolong, semangat kejiiran dan amalan kebersihan.



## Hari ke jam

- 1 Tempoh penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Pulau Jeju, Korea ialah 0.25 hari.



Tukar 0.25 hari kepada jam.

$$0.25 \text{ hari} = \text{jam}$$

### Cara 1


$$0.25 \text{ hari} = (0.25 \times 24) \text{ jam} \\ = 6 \text{ jam}$$

$$\begin{array}{r} 1 \quad 2 \\ 0.25 \\ \times 24 \text{ jam} \\ \hline 1 \ 00 \\ + 05 \ 00 \\ \hline 06.00 \text{ jam} \end{array}$$

Darab 24 jam untuk menukar unit **hari** kepada **jam**.



### Cara 2



$$0.25 \text{ hari} = \left(\frac{1}{4} \times \frac{6}{1}\right) \text{ jam} \\ = 6 \text{ jam}$$

$$0.25 \text{ hari} = 6 \text{ jam}$$

0.25 hari ialah **6 jam**.

$$0.25 \text{ hari} = \frac{25}{100} \text{ hari} \\ = \frac{1}{4} \text{ hari}$$



- 2 1.75 hari = jam

### Cara 1

$$\begin{array}{r} 1 \quad 1 \\ 3 \quad 2 \\ 1.75 \\ \times 24 \text{ jam} \\ \hline 7 \ 00 \\ + 35 \ 00 \\ \hline 42.00 \text{ jam} \end{array}$$

$$1.75 \text{ hari} = 42 \text{ jam}$$

### Cara 2


$$\begin{aligned} 1.75 \text{ hari} &= 1 \text{ hari} + 0.75 \text{ hari} \\ &= 24 \text{ jam} + 0.5 \text{ hari} + 0.25 \text{ hari} \\ &= 24 \text{ jam} + 12 \text{ jam} + 6 \text{ jam} \\ &= 42 \text{ jam} \end{aligned}$$



4.2.2 (ii)

- Kaitkan 0.5 hari dengan 12 jam, 0.25 hari dengan 6 jam untuk memudahkan pengiraan.

## Tahun ke bulan



Sistem suria terdiri daripada lapan buah planet, iaitu Utarid, Zuhrah, Bumi, Marikh, Musytari, Zuhal, Uranus dan Neptun.



Planet Zuhal mengambil masa lebih kurang 29.5 tahun untuk membuat satu peredaran lengkap mengelilingi Matahari. Nyatakan anggaran masa itu dalam bulan.

29.5 tahun =    bulan

### Cara 1

$$29.5 \text{ tahun} = (29.5 \times 12) \text{ bulan} \\ = 354 \text{ bulan}$$

$$\begin{array}{r} \phantom{0} \overset{|}{2} \overset{|}{9} . 5 \\ \times \phantom{0} \phantom{0} \phantom{0} 12 \text{ bulan} \\ \hline \phantom{0} 590 \\ + 2950 \\ \hline 354.0 \text{ bulan} \end{array}$$

Darab 12 untuk menukar tahun kepada bulan kerana 1 tahun ada 12 bulan.




### Cara 2

$$29.5 \text{ tahun} = 29 \text{ tahun} + 0.5 \text{ tahun} \\ = (29 \times 12) \text{ bulan} + \left(\frac{1}{2} \times \frac{6}{12}\right) \text{ bulan} \\ = 348 \text{ bulan} + 6 \text{ bulan} \\ = 354 \text{ bulan}$$

29.5 tahun = 354 bulan

29.5 tahun ialah **354 bulan**.




Tukar 8.75 tahun kepada bulan.



Dekad ke tahun

# TEMPOH PERKHIDMATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA PERTAMA HINGGA KEEMPAT (1957-2003)



Tukar tempoh perkhidmatan, dalam tahun, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.



Kira pantas dengan menggerakkan titik perpuluhan.

$$1.3 \text{ dekad} = \text{ } \text{ tahun}$$

$$1.3 \text{ dekad} = (1.3 \times 10) \text{ tahun} \\ = 13 \text{ tahun}$$

$$1.3 \text{ dekad} = \text{ } \text{ tahun}$$

Tempoh perkhidmatan Perdana Menteri Malaysia yang pertama ialah 13 tahun.

Hitung tempoh perkhidmatan, dalam tahun, bagi Perdana Menteri Malaysia yang lain.



Hani terlupa meletakkan titik perpuluhan pada pernyataan di bawah.

$$600 \text{ dekad} = 600 \text{ tahun}$$

Di manakah letaknya titik perpuluhan itu supaya pernyataan itu benar?



4.2.2 (iv)

- Bincangkan tempoh perkhidmatan bagi tokoh negarawan yang lain. Terapkan nilai patriotik. Minta murid menyatakan nama penuh Perdana Menteri di atas.

## Abad ke dekad

1 Usia Kota A Famosa pada tahun 2021 ialah 5.1 abad. Tukar 5.1 abad kepada dekad.

5.1 abad =  dekad

5.1 abad =  $(5.1 \times 10)$  dekad  
= 51 dekad

5.1 abad = **51** dekad

5.1 abad ialah **51 dekad**.



Kota A Famosa di Melaka telah dibina pada tahun 1511. Pintu gerbang ini merupakan salah satu seni bina Eropah tertua yang masih ada di Asia.



2



Bangunan ini berusia 1.1 abad pada tahun 2021. Tukar 1.1 abad kepada dekad.

1.1 abad =  dekad

1.1 abad =  $(\text{ } \times \text{ })$  dekad  
=  dekad

1.1 abad ialah  dekad.

Berapakah dekad dalam 0.3 abad?



- Terapkan semangat kenegaraan melalui sejarah kemerdekaan Malaysia.
- Minta murid membuat buku skrap tempat-tempat bersejarah dengan menyatakan usia tempat berkenaan menggunakan penukaran unit puluhan masa.

## Abad ke tahun

- 1 Robot digital yang pertama dicipta berusia 0.67 abad pada tahun 2021. Tukar 0.67 abad kepada tahun.

0.67 abad =  tahun

### Cara 1

$$0.67 \text{ abad} = (0.67 \times 100) \text{ tahun} \\ = 67 \text{ tahun}$$

0.67 abad = **67** tahun

0.67 abad ialah **67 tahun**.

### Cara 2

$$0.67 \text{ abad} = \left(\frac{67}{100} \times 100\right) \text{ tahun} \\ = 67 \text{ tahun}$$

Robot digital pertama telah dicipta pada tahun 1954.



- 2 Yang berikut ialah usia pada tahun 2021 bagi tiga peralatan digital yang pertama dicipta.



Kamera digital

0.45 abad



Jam tangan digital

1.01 abad



Kalkulator digital

0.5 abad

Hitung usia peralatan di atas dalam tahun secara kiraan pantas.



Lengkapkan petak kosong.

0.1 abad →  dekad



tahun →  bulan



4.2.2 (vi)

- Berbincang tentang usia, dalam tahun, peralatan teknologi maklumat yang pertama dicipta untuk kemudahan manusia.
- Layari <https://rb.gy/95a5kk>, <https://rb.gy/apdglf> dan <https://rb.gy/jomhry>





# CUBA INI

1

Kira.

a  $0.9 \text{ jam} = \square \text{ minit}$

b  $1.2 \text{ jam} = \square \text{ minit}$

c  $0.5 \text{ hari} = \square \text{ jam}$

d  $7.25 \text{ hari} = \square \text{ jam}$

e  $1.25 \text{ tahun} = \square \text{ bulan}$

f  $13.5 \text{ tahun} = \square \text{ bulan}$

g  $8.1 \text{ dekad} = \square \text{ tahun}$

h  $24.6 \text{ dekad} = \square \text{ tahun}$

i  $7.6 \text{ abad} = \square \text{ dekad}$

j  $38.9 \text{ abad} = \square \text{ dekad}$

k  $0.83 \text{ abad} = \square \text{ tahun}$

l  $12.7 \text{ abad} = \square \text{ tahun}$

2

a Tukar 3.45 jam kepada minit.

b Nyatakan 1.625 hari dalam jam.

3

$60.75 \text{ tahun} = 729 \text{ bulan}$

Adakah pernyataan di atas benar? Buktikan.



## AKTIVITI BERPASANGAN

### Alat/Bahan

kad manila, kertas, gam, pensel warna, gunting

### Tugasan

- 1 Tulis unit masa yang melibatkan pecahan atau perpuluhan pada kertas.
- 2 Tukar unit masa kepada unit yang lebih kecil.
- 3 Potong kad manila kepada bentuk kreatif yang dikehendaki.
- 4 Gunting dan tampalkan penukaran unit masa pada kad manila.
- 5 Pamerkan hasil kerja pada sudut matematik atau jadikan penanda buku.






## TAMBAH MASA

### Jam dan minit

- 1 Masa perjalanan di antara dua bandar ditunjukkan dalam gambar rajah di sebelah.



- a Hitung jumlah masa perjalanan dari bandar P ke bandar S.

$$\frac{1}{3} \text{ jam} + 1 \frac{5}{6} \text{ jam} = \text{■} \text{ jam}$$

$$\begin{aligned} \frac{1}{3} \text{ jam} + 1 \frac{5}{6} \text{ jam} &= \frac{1 \times 2}{3 \times 2} \text{ jam} + 1 \frac{5}{6} \text{ jam} \\ &= \frac{2}{6} \text{ jam} + 1 \frac{5}{6} \text{ jam} \\ &= \frac{2}{6} \text{ jam} + 1 \text{ jam} + \frac{5}{6} \text{ jam} \\ &= 1 \text{ jam} + \frac{7}{6} \text{ jam} \\ &= 1 \text{ jam} + 1 \frac{1}{6} \text{ jam} \\ &= 2 \frac{1}{6} \text{ jam} \end{aligned}$$

Samakan penyebut sebelum menambah.



$$\frac{1}{3} \text{ jam} + 1 \frac{5}{6} \text{ jam} = 2 \frac{1}{6} \text{ jam}$$

Jumlah masa perjalanan dari bandar P ke bandar S ialah  $2 \frac{1}{6}$  jam.

- b Hitung jumlah masa perjalanan, dalam minit, dari bandar P ke bandar R.

$$\frac{1}{3} \text{ jam} + 50 \text{ minit} = \text{■} \text{ minit}$$

$$\frac{1}{3} \text{ jam} = \left( \frac{1}{3} \times \frac{20}{20} \right) \text{ minit} = 20 \text{ minit}$$

$$\begin{array}{r} 20 \text{ minit} \\ + 50 \text{ minit} \\ \hline 70 \text{ minit} \end{array}$$

Adakah 70 minit bersamaan 1 jam 10 minit? Bincangkan.





$$\frac{1}{3} \text{ jam} + 50 \text{ minit} = 70 \text{ minit}$$

Jumlah masa perjalanan dari bandar P ke bandar R ialah **70 minit**.



2



- a Hitung jumlah tempoh bagi aktiviti membantu ibu di dapur dan menolong bapa membasuh kereta.

$$1.5 \text{ jam} + 0.75 \text{ jam} = \text{■} \text{ jam}$$

$$\begin{array}{r} | \\ 1.50 \text{ jam} \\ + 0.75 \text{ jam} \\ \hline 2.25 \text{ jam} \end{array}$$

$$1.5 \text{ jam} + 0.75 \text{ jam} = \text{2.25} \text{ jam}$$

Jumlah tempoh bagi dua aktiviti itu ialah **2.25 jam**.

- b Berapakah tempoh, dalam minit, untuk aktiviti menolong bapa membasuh kereta dan menyiram pokok bunga?

$$0.75 \text{ jam} + \frac{1}{4} \text{ jam} = \text{■} \text{ minit}$$

$$\begin{aligned} 0.75 \text{ jam} \\ = (0.75 \times 60) \text{ minit} \\ = 45 \text{ minit} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \frac{1}{4} \text{ jam} &= \left( \frac{1}{4} \times \cancel{60}^{15} \right) \text{ minit} \\ &= 15 \text{ minit} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} | \\ 45 \text{ minit} \\ + 15 \text{ minit} \\ \hline 60 \text{ minit} \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 43 \\ 0.75 \\ \times \quad 60 \\ \hline 45.00 \end{array}$$

$$0.75 \text{ jam} + \frac{1}{4} \text{ jam} = \text{60} \text{ minit}$$

Tempoh untuk kedua-dua aktiviti tersebut ialah **60 minit**.

Tukar  $\frac{1}{4}$  jam kepada 0.25 jam. Kemudian, tambah dengan 0.75 jam. Adakah jawapannya sama dengan jawapan di atas? Bincangkan.





## Hari dan jam

1 Tempoh pelayaran dari lokasi A ke lokasi E bagi satu ekspedisi ditunjukkan dalam rajah di sebelah.

a Hitung jumlah tempoh pelayaran dari lokasi A ke lokasi C.

$$1\frac{5}{8} \text{ hari} + 1\frac{1}{4} \text{ hari} = \text{■} \text{ hari}$$

$$\begin{aligned} 1\frac{5}{8} \text{ hari} + 1\frac{1}{4} \text{ hari} &= 1\frac{5}{8} \text{ hari} + 1\frac{1 \times 2}{4 \times 2} \text{ hari} \\ &= 1\frac{5}{8} \text{ hari} + 1\frac{2}{8} \text{ hari} \\ &= 2\frac{7}{8} \text{ hari} \end{aligned}$$

$$1\frac{5}{8} \text{ hari} + 1\frac{1}{4} \text{ hari} = \text{2}\frac{7}{8} \text{ hari}$$

Jumlah tempoh pelayaran dari lokasi A ke lokasi C ialah  $2\frac{7}{8}$  hari.

b Berapakah jumlah tempoh pelayaran, dalam hari dan jam, dari lokasi C ke lokasi E?


$$1 \text{ hari } 5 \text{ jam} + 1\frac{1}{6} \text{ hari} = \text{■} \text{ hari } \text{■} \text{ jam}$$

$$\begin{aligned} 1\frac{1}{6} \text{ hari} &= 1 \text{ hari} + \frac{1}{6} \text{ hari} \\ &= 1 \text{ hari} + \left(\frac{1}{6} \times \frac{4}{1}\right) \text{ jam} \\ &= 1 \text{ hari} + 4 \text{ jam} \\ &= 1 \text{ hari } 4 \text{ jam} \end{aligned}$$

	hari	jam
	1	5
+	1	4
	2	9

$$1 \text{ hari } 5 \text{ jam} + 1\frac{1}{6} \text{ hari} = \text{2} \text{ hari } \text{9} \text{ jam}$$

Jumlah tempoh pelayaran dari lokasi C ke lokasi E ialah **2 hari 9 jam**.



- 2 Hitung jumlah tempoh bagi dua proses untuk menyiapkan kereta robot merujuk jadual.

$$3.5 \text{ hari} + 1.5 \text{ hari} = \text{■} \text{ hari}$$

$$\begin{array}{r} | \\ 3.5 \text{ hari} \\ + 1.5 \text{ hari} \\ \hline 5.0 \text{ hari} \end{array}$$

$$3.5 \text{ hari} + 1.5 \text{ hari} = \text{5} \text{ hari}$$

Jumlah tempoh bagi dua proses itu ialah **5 hari**.

Proses	Tempoh
Penyediaan, pemasangan dan kemasan bahan bukan logam dan bahan logam	3.5 hari
Pemasangan sistem penggera	1.5 hari

- 3  $4.75 \text{ hari} + 9 \text{ hari } 18 \text{ jam} = \text{■} \text{ hari } \text{■} \text{ jam}$

$$\begin{aligned} 4.75 \text{ hari} &= 4 \text{ hari} + 0.75 \text{ hari} \\ &= 4 \text{ hari} + (0.75 \times 24) \text{ jam} \\ &= 4 \text{ hari} + 18 \text{ jam} \\ &= 4 \text{ hari } 18 \text{ jam} \end{aligned}$$

hari	jam
4	18
+ 9	18
13	36
+ 1	- 24
14	12

$$4.75 \text{ hari} + 9 \text{ hari } 18 \text{ jam} = \text{14} \text{ hari } \text{12} \text{ jam}$$

- 4  $3\frac{1}{2} \text{ hari} + 8.125 \text{ hari} = \text{■} \text{ hari } \text{■} \text{ jam}$

$$\begin{aligned} 3\frac{1}{2} \text{ hari} &= 3 \text{ hari} + \frac{1}{2} \text{ hari} \\ &= 3 \text{ hari} + \left(\frac{1}{2} \times 24\right) \text{ jam} \\ &= 3 \text{ hari} + 12 \text{ jam} \\ &= 3 \text{ hari } 12 \text{ jam} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 8.125 \text{ hari} &= 8 \text{ hari} + 0.125 \text{ hari} \\ &= 8 \text{ hari} + (0.125 \times 24) \text{ jam} \\ &= 8 \text{ hari} + 3 \text{ jam} \\ &= 8 \text{ hari } 3 \text{ jam} \end{aligned}$$

hari	jam
3	12
+ 8	3
11	15

$$3\frac{1}{2} \text{ hari} + 8.125 \text{ hari} = \text{11} \text{ hari } \text{15} \text{ jam}$$

## Tahun dan bulan

- 1 Tempoh pembinaan bagi tiga fasa Projek Perumahan Indah adalah seperti yang berikut.



Fasa 1  $2\frac{1}{2}$  tahun



Fasa 2  $3\frac{1}{4}$  tahun



Fasa 3 5 tahun 9 bulan

- a Kira jumlah tempoh bagi projek fasa 1 dan fasa 2.

$$2\frac{1}{2} \text{ tahun} + 3\frac{1}{4} \text{ tahun} = \text{■} \text{ tahun}$$

$$\begin{aligned} 2\frac{1}{2} \text{ tahun} + 3\frac{1}{4} \text{ tahun} &= 2\frac{1 \times 2}{2 \times 2} \text{ tahun} + 3\frac{1}{4} \text{ tahun} \\ &= 2\frac{2}{4} \text{ tahun} + 3\frac{1}{4} \text{ tahun} \\ &= 5\frac{3}{4} \text{ tahun} \end{aligned}$$

$$2\frac{1}{2} \text{ tahun} + 3\frac{1}{4} \text{ tahun} = \text{■} 5\frac{3}{4} \text{ tahun}$$

Jumlah tempoh bagi projek fasa 1 dan fasa 2 ialah  $5\frac{3}{4}$  tahun.

- b Jumlahkan tempoh, dalam tahun dan bulan, bagi projek fasa 1 dan fasa 3.

$$2\frac{1}{2} \text{ tahun} + 5 \text{ tahun } 9 \text{ bulan} = \text{■} \text{ tahun } \text{■} \text{ bulan}$$

tahun	bulan
2	5
+ 5	9
7	14

$$\begin{aligned} &7 \text{ tahun } 14 \text{ bulan} \\ &= 7 \text{ tahun} + 12 \text{ bulan} + 2 \text{ bulan} \\ &= 7 \text{ tahun} + 1 \text{ tahun} + 2 \text{ bulan} \\ &= 8 \text{ tahun } 2 \text{ bulan} \end{aligned}$$

Adakah pengiraan ini betul? Bincangkan.



- 4.3.1 (iii) • Tegaskan  $\frac{1}{2}$  sama dengan 0.5 dan kaitkan  $\frac{1}{2}$  tahun sama dengan 6 bulan.

- 2 a Berpandukan risalah, jumlahkan tempoh bagi kursus komputer peringkat asas dan lanjutan.

$$1.25 \text{ tahun} + 1.5 \text{ tahun} = \square \text{ tahun}$$

$$\begin{array}{r} 1.25 \text{ tahun} \\ + 1.50 \text{ tahun} \\ \hline 2.75 \text{ tahun} \end{array}$$

$$1.25 \text{ tahun} + 1.5 \text{ tahun} = 2.75 \text{ tahun}$$

Jumlah tempoh bagi kursus komputer peringkat asas dan lanjutan ialah **2.75 tahun**.

## KURSUS KOMPUTER

Peringkat asas	1.25 tahun
Peringkat lanjutan	1.5 tahun
Peringkat profesional	$\frac{5}{6}$ tahun



DISKAUN  
HEBAT  
BAGI 50  
PENDAFTARAN  
TERAWAL

- b Berapakah tempoh kursus komputer peringkat asas dan profesional? Beri jawapan dalam tahun dan bulan.

$$1.25 \text{ tahun} + \frac{5}{6} \text{ tahun} = \square \text{ tahun } \square \text{ bulan}$$

$$\begin{aligned} 1.25 \text{ tahun} &= 1 \text{ tahun} + 0.25 \text{ tahun} \\ &= 1 \text{ tahun} + (0.25 \times 12) \text{ bulan} \\ &= 1 \text{ tahun } 3 \text{ bulan} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \frac{5}{6} \text{ tahun} &= \left( \frac{5}{\cancel{6}} \times \frac{2}{\cancel{2}} \right) \text{ bulan} \\ &= 10 \text{ bulan} \end{aligned}$$

tahun	bulan
1	3
+	10
1	13
+	-12
2	1

$$1.25 \text{ tahun} + \frac{5}{6} \text{ tahun} = 2 \text{ tahun } 1 \text{ bulan}$$

Tempoh kursus komputer peringkat asas dan profesional ialah **2 tahun 1 bulan**.




$$\frac{3}{4} \text{ tahun} + \square \text{ tahun} = 1 \text{ tahun}$$

Nyatakan nilai   dalam perpuluhan.

## Dekad dan tahun

1 Yang berikut ialah tempoh pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.



a Hitung jumlah tempoh pemerintahan Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mansur Shah.

$$1\frac{1}{5} \text{ dekad} + 1\frac{9}{10} \text{ dekad} = \text{ } \text{ dekad}$$

$$\begin{aligned} 1\frac{1}{5} \text{ dekad} + 1\frac{9}{10} \text{ dekad} &= 1\frac{1 \times 2}{5 \times 2} \text{ dekad} + 1\frac{9}{10} \text{ dekad} \\ &= 1\frac{2}{10} \text{ dekad} + 1\frac{9}{10} \text{ dekad} \\ &= 2\frac{11}{10} \text{ dekad} \\ &= 2 \text{ dekad} + \frac{11}{10} \text{ dekad} \\ &= 2 \text{ dekad} + 1\frac{1}{10} \text{ dekad} \\ &= 3\frac{1}{10} \text{ dekad} \end{aligned}$$

$$1\frac{1}{5} \text{ dekad} + 1\frac{9}{10} \text{ dekad} = 3\frac{1}{10} \text{ dekad}$$

Jumlah tempoh pemerintahan Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mansur Shah ialah  **$3\frac{1}{10}$  dekad**.

b Kira tempoh pemerintahan dua orang sultan terakhir.

$$1\frac{1}{10} \text{ dekad} + 23 \text{ tahun} = \text{ } \text{ tahun}$$

$$\begin{aligned} 1\frac{1}{10} \text{ dekad} &= \left(\frac{11}{10} \times 10\right) \text{ tahun} \\ &= 11 \text{ tahun} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 11 \text{ tahun} \\ + 23 \text{ tahun} \\ \hline 34 \text{ tahun} \end{array}$$

$$1\frac{1}{10} \text{ dekad} + 23 \text{ tahun} = 34 \text{ tahun}$$

Tempoh pemerintahan dua orang sultan terakhir ialah **34 tahun**.



- 2 Berpandukan jadual, hitung tempoh perkhidmatan Cikgu Mirza dalam dekad, sebelum beliau bersara.

$$2.4 \text{ dekad} + 0.8 \text{ dekad} = \text{■} \text{ dekad}$$

$$\begin{array}{r} 2.4 \text{ dekad} \\ + 0.8 \text{ dekad} \\ \hline 3.2 \text{ dekad} \end{array}$$

$$2.4 \text{ dekad} + 0.8 \text{ dekad} = \text{3.2} \text{ dekad}$$

Tempoh perkhidmatan Cikgu Mirza sebelum beliau bersara ialah **3.2 dekad**.

### Tempoh perkhidmatan

Sekolah	Tempoh
SK Sri Intan	2.4 dekad
SK Melati	0.8 dekad

### Selamat Bersara



• JASAMU DIKENANG •

- 3 Saya bertugas sebagai guru sementara selama  $\frac{1}{5}$  dekad. 1.3 dekad seterusnya sebagai guru tetap.



Berapakah tempoh, dalam tahun, Cikgu Alice telah bertugas sebagai guru?

$$\frac{1}{5} \text{ dekad} + 1.3 \text{ dekad} = \text{■} \text{ tahun}$$

#### Cara 1

$$\frac{1}{5} \text{ dekad} = 0.2 \text{ dekad}$$

$$\begin{array}{r} 0.2 \text{ dekad} \\ + 1.3 \text{ dekad} \\ \hline 1.5 \text{ dekad} \end{array}$$

$$1.5 \text{ dekad} = (1.5 \times 10) \text{ tahun} = 15 \text{ tahun}$$

#### Cara 2

$$\frac{1}{5} \text{ dekad} = \left(\frac{1}{\cancel{5}} \times \cancel{10}^2\right) \text{ tahun} = 2 \text{ tahun}$$

$$1.3 \text{ dekad} = (1.3 \times 10) \text{ tahun} = 13 \text{ tahun}$$

$$2 \text{ tahun} + 13 \text{ tahun} = 15 \text{ tahun}$$

$$\frac{1}{5} \text{ dekad} + 1.3 \text{ dekad} = \text{15} \text{ tahun}$$

Cikgu Alice telah bertugas sebagai guru selama **15 tahun**.

Berikan jawapan 3.9 dekad tambah 51 tahun dalam dekad.



## Abad dan dekad

1

Gua A berusia  $6\frac{1}{5}$  abad. Usia Gua B adalah  $3\frac{1}{2}$  abad lebih tua daripada Gua A.

Usia Gua B ialah ....



$$6\frac{1}{5} \text{ abad} + 3\frac{1}{2} \text{ abad} = \text{■} \text{ abad}$$

$$\begin{aligned} &6\frac{1}{5} \text{ abad} + 3\frac{1}{2} \text{ abad} \\ &= 6\frac{1 \times 2}{5 \times 2} \text{ abad} + 3\frac{1 \times 5}{2 \times 5} \text{ abad} \\ &= 6\frac{2}{10} \text{ abad} + 3\frac{5}{10} \text{ abad} \\ &= 9\frac{7}{10} \text{ abad} \end{aligned}$$

$$6\frac{1}{5} \text{ abad} + 3\frac{1}{2} \text{ abad} = \mathbf{9\frac{7}{10}} \text{ abad}$$

2  $\frac{3}{10}$  abad + 29 dekad = ■ dekad

$$\begin{aligned} \frac{3}{10} \text{ abad} &= \left(\frac{3}{\cancel{10}} \times \cancel{10}\right) \text{ dekad} \\ &= 3 \text{ dekad} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 3 \text{ dekad} \\ + 29 \text{ dekad} \\ \hline 32 \text{ dekad} \end{array}$$

$$\frac{3}{10} \text{ abad} + 29 \text{ dekad} = \mathbf{32} \text{ dekad}$$

3  $2\frac{4}{5}$  abad + 8 abad 7 dekad = ■ abad ■ dekad

$$\begin{aligned} 2\frac{4}{5} \text{ abad} &= 2 \text{ abad} + \frac{4}{5} \text{ abad} \\ &= 2 \text{ abad} + \left(\frac{4}{\cancel{5}} \times \cancel{10}\right) \text{ dekad} \\ &= 2 \text{ abad } 8 \text{ dekad} \end{aligned}$$

abad	dekad
2	8
+ 8	7
10	15
+ 1	- 10
11	5

$$2\frac{4}{5} \text{ abad} + 8 \text{ abad } 7 \text{ dekad} = \mathbf{11} \text{ abad } \mathbf{5} \text{ dekad}$$

Nyatakan 11 abad 5 dekad dalam dekad.





- 4 Hitung anggaran usia, dalam abad, bagi pokok B.

$$0.2 \text{ abad} + 0.3 \text{ abad} = \text{ } \text{ abad}$$

$$\begin{array}{r} 0.2 \text{ abad} \\ + 0.3 \text{ abad} \\ \hline 0.5 \text{ abad} \end{array}$$

$$0.2 \text{ abad} + 0.3 \text{ abad} = \text{0.5} \text{ abad}$$

Anggaran usia pokok B lebih kurang **0.5 abad**.

Keratan rentas lingkaran batang pokok A menunjukkan usia pokok A lebih kurang 0.2 abad.



keratan rentas pokok A



keratan rentas pokok B

Pokok B berusia 0.3 abad lebih daripada pokok A

- 5  $12.6 \text{ abad} + 58 \text{ dekad} = \text{ } \text{ abad } \text{ } \text{ dekad}$

$$\begin{aligned} 12.6 \text{ abad} &= 12 \text{ abad} + 0.6 \text{ abad} \\ &= 12 \text{ abad} + (0.6 \times 10) \text{ dekad} \\ &= 12 \text{ abad } 6 \text{ dekad} \end{aligned}$$

$$12.6 \text{ abad} + 58 \text{ dekad} = \text{18} \text{ abad } \text{4} \text{ dekad}$$

abad	dekad
12	6
+	58
12	64
+	6 - 60
18	4

- 6 Tambah  $4\frac{9}{10}$  abad dan 3.2 abad. Beri jawapan dalam abad dan dekad.

$$4\frac{9}{10} \text{ abad} + 3.2 \text{ abad} = \text{ } \text{ abad } \text{ } \text{ dekad}$$

$$\begin{aligned} \frac{9}{10} \text{ abad} &= (\frac{9}{10} \times 10) \text{ dekad} \\ &= 9 \text{ dekad} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 0.2 \text{ abad} &= (0.2 \times 10) \text{ dekad} \\ &= 2 \text{ dekad} \end{aligned}$$

$4\frac{9}{10}$  abad = 4 abad 9 dekad.  
3.2 abad = 3 abad 2 dekad.

abad	dekad
4	9
+	2
7	11
+	1 - 10
8	1



$$4\frac{9}{10} \text{ abad} + 3.2 \text{ abad} = \text{8} \text{ abad } \text{1} \text{ dekad}$$



## Abad dan tahun

1 Anggaran usia pada tahun 2021



Menara Jam Besar,  
Kuala Kangsar.

lebih kurang  $\frac{4}{5}$  abad

Sumber: <http://rb.gy/uhx8hq>

Menara Jam Besar, Alor Setar.

kira-kira  $\frac{3}{10}$  abad lebih  
daripada usia Menara  
Jam Besar, Kuala Kangsar



Hitung anggaran usia Menara  
Jam Besar, Alor Setar.

$$\frac{4}{5} \text{ abad} + \frac{3}{10} \text{ abad} = \text{■} \text{ abad}$$

$$\begin{aligned} & \frac{4}{5} \text{ abad} + \frac{3}{10} \text{ abad} \\ &= \frac{4 \times 2}{5 \times 2} \text{ abad} + \frac{3}{10} \text{ abad} \end{aligned}$$

$$= \frac{8}{10} \text{ abad} + \frac{3}{10} \text{ abad}$$

$$= \frac{11}{10} \text{ abad}$$

$$= 1 \frac{1}{10} \text{ abad}$$

$$\frac{4}{5} \text{ abad} + \frac{3}{10} \text{ abad} = 1 \frac{1}{10} \text{ abad}$$

Anggaran usia Menara Jam Besar, Alor Setar lebih kurang  $1 \frac{1}{10}$  abad.

2  $2 \frac{7}{10}$  abad + 60 tahun = ■ tahun

$$\begin{aligned} 2 \frac{7}{10} \text{ abad} &= (2 \times 100) \text{ tahun} + (\frac{7}{10} \times 100) \text{ tahun} \\ &= 200 \text{ tahun} + 70 \text{ tahun} \\ &= 270 \text{ tahun} \end{aligned}$$

270	tahun
+ 60	tahun
330	tahun

$$2 \frac{7}{10} \text{ abad} + 60 \text{ tahun} = \text{330} \text{ tahun}$$

3  $8 \frac{1}{2}$  abad + 1 abad 35 tahun = ■ abad ■ tahun

$$\begin{aligned} 8 \frac{1}{2} \text{ abad} &= 8 \text{ abad} + \frac{1}{2} \text{ abad} \\ &= 8 \text{ abad} + (\frac{1}{2} \times 100) \text{ tahun} \\ &= 8 \text{ abad } 50 \text{ tahun} \end{aligned}$$

abad	tahun
8	50
+ 1	35
9	85

$$8 \frac{1}{2} \text{ abad} + 1 \text{ abad } 35 \text{ tahun} = \text{9} \text{ abad } \text{85} \text{ tahun}$$



4.3.1 (vi)

- Lakukan aktiviti mencongak untuk menukar abad kepada tahun dan sebaliknya.

4  $7.9 \text{ abad} + 6 \text{ abad } 42 \text{ tahun} = \square \text{ abad } \square \text{ tahun}$

$$\begin{aligned} 7.9 \text{ abad} &= 7 \text{ abad} + 0.9 \text{ abad} \\ &= 7 \text{ abad} + (0.9 \times 100) \text{ tahun} \\ &= 7 \text{ abad } 90 \text{ tahun} \end{aligned}$$

abad	tahun
7	90
+ 6	42
13	132
+ 1	- 100
14	32

$7.9 \text{ abad} + 6 \text{ abad } 42 \text{ tahun} = 14 \text{ abad } 32 \text{ tahun}$

5  $0.82 \text{ abad} + 451 \text{ tahun} = \square \text{ abad } \square \text{ tahun}$

Tukar unit masa kepada tahun, serta abad dan tahun.



$$\begin{aligned} 0.82 \text{ abad} &= (0.82 \times 100) \text{ tahun} \\ &= 82 \text{ tahun} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 451 \text{ tahun} &= 400 \text{ tahun} + 51 \text{ tahun} \\ &= 4 \text{ abad } 51 \text{ tahun} \end{aligned}$$

abad	tahun
	82
+ 4	51
4	133
+ 1	- 100
5	33

$0.82 \text{ abad} + 451 \text{ tahun} = 5 \text{ abad } 33 \text{ tahun}$

6  $5\frac{3}{4} \text{ abad} + 1.3 \text{ abad} = \square \text{ tahun}$

Tukar pecahan masa kepada perpuluhan masa dahulu.



$$\begin{aligned} 5\frac{3}{4} \text{ abad} &= \frac{23}{4} \text{ abad} \\ &= 5.75 \text{ abad} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 5.75 \text{ abad} \\ + 1.30 \text{ abad} \\ \hline 7.05 \text{ abad} \end{array}$$

$$\begin{aligned} 7.05 \text{ abad} &= (7.05 \times 100) \text{ tahun} \\ &= 705 \text{ tahun} \end{aligned}$$

$5\frac{3}{4} \text{ abad} + 1.3 \text{ abad} = 705 \text{ tahun}$

Nyatakan 705 tahun dalam abad dan tahun.





1 Tambah.

a  $\frac{1}{2}$  jam +  $\frac{1}{10}$  jam =  jam

b  $0.25$  jam +  $3$  jam =  jam

c  $1\frac{1}{6}$  hari +  $\frac{1}{8}$  hari =  hari

d  $6.5$  hari +  $4.75$  hari =  hari

e  $9.25$  tahun +  $10.5$  tahun =  tahun

f  $\frac{7}{10}$  dekad +  $\frac{2}{5}$  dekad =  dekad

g  $8\frac{3}{5}$  abad +  $1\frac{1}{2}$  abad =  abad

h  $8.47$  abad +  $52.9$  abad =  abad

2 Hitung.

a  $\frac{3}{5}$  jam +  $40$  minit =  minit

b  $4$  hari  $20$  jam +  $\frac{5}{8}$  hari =  hari  jam

c  $7.5$  hari +  $19$  jam =  jam

d  $1\frac{1}{6}$  tahun +  $4$  tahun  $10$  bulan =  tahun

e  $17$  tahun +  $\frac{1}{5}$  dekad =  dekad  tahun

f  $4$  dekad  $1$  tahun +  $2.3$  dekad =  tahun

g  $2\frac{2}{5}$  abad +  $1$  abad  $6$  dekad =  dekad

h  $66$  tahun +  $1\frac{9}{10}$  abad =  abad  tahun

3 Kira.

a  $\frac{5}{6}$  jam +  $0.45$  jam =  minit

b  $7.625$  hari +  $1\frac{1}{2}$  hari =  hari  jam

c  $1\frac{3}{4}$  tahun +  $0.75$  tahun =  tahun  bulan

4 Hitung hasil tambah  $2\frac{4}{5}$  abad dengan  $3.8$  abad. Nyatakan jawapan dalam abad dan dekad.

5 Adakah pernyataan di sebelah benar? Buktikan.

$2.79$  abad +  $8\frac{1}{4}$  abad =  $11$  abad  $4$  tahun





# TOLAK MASA

## Jam dan minit

1

**JAUHI MAKANAN INI KERANA...**

**ELAKKAN!**

tinggi gula

tinggi garam

tinggi lemak

Raden

**SNEK SIHAT!**

makan ini

bukan ini

Divani

## Projek Poster Kesihatan

Nama	Tempoh siap
Raden	$\frac{3}{4}$ jam
Siti	$1\frac{5}{6}$ jam
Divani	12 minit lebih awal daripada Siti

Siti



- a Hitung beza tempoh yang diambil oleh Raden dengan Siti untuk menyiapkan projek berdasarkan jadual di atas.

$$1\frac{5}{6} \text{ jam} - \frac{3}{4} \text{ jam} = \text{■} \text{ jam}$$

$$\begin{aligned} 1\frac{5}{6} \text{ jam} - \frac{3}{4} \text{ jam} &= 1\frac{5 \times 2}{6 \times 2} \text{ jam} - \frac{3 \times 3}{4 \times 3} \text{ jam} \\ &= 1\frac{10}{12} \text{ jam} - \frac{9}{12} \text{ jam} \\ &= 1\frac{1}{12} \text{ jam} \end{aligned}$$

$$1\frac{5}{6} \text{ jam} - \frac{3}{4} \text{ jam} = 1\frac{1}{12} \text{ jam}$$

Beza tempoh yang diambil oleh Raden dengan Siti ialah  $1\frac{1}{12}$  jam.

- b Berapakah tempoh yang diambil oleh Divani, dalam jam dan minit, untuk menyiapkan projeknya?

$$1\frac{5}{6} \text{ jam} - 12 \text{ minit} = \text{■} \text{ jam} \text{ ■} \text{ minit}$$

$$\begin{aligned} 1\frac{5}{6} \text{ jam} &= 1 \text{ jam} + \frac{5}{6} \text{ jam} \\ &= 1 \text{ jam} + \left(\frac{5}{6} \times \frac{10}{10}\right) \text{ minit} \\ &= 1 \text{ jam } 50 \text{ minit} \end{aligned}$$

jam	minit
	4 10
1	<del>5</del> <del>0</del>
-	1 2
1	3 8

$$1\frac{5}{6} \text{ jam} - 12 \text{ minit} = 1 \text{ jam } 38 \text{ minit}$$

Tempoh Divani menyiapkan projeknya ialah **1 jam 38 minit**.

- 2 Hitung beza masa memasak, dalam jam, antara keropok lekor yang dikukus dengan yang direbus seperti yang dilabel pada gambar.



kukus  
1.5 jam

$$1.5 \text{ jam} - 0.5 \text{ jam} = \square \text{ jam}$$

$$\begin{array}{r} 1.5 \text{ jam} \\ - 0.5 \text{ jam} \\ \hline 1.0 \text{ jam} \end{array}$$



rebus  
0.5 jam

$$1.5 \text{ jam} - 0.5 \text{ jam} = 1.0 \text{ jam}$$

Beza masa memasak antara keropok lekor yang dikukus dengan yang direbus ialah **1 jam**.

- 3  $3.45 \text{ jam} - 1 \text{ jam } 40 \text{ minit} = \square \text{ jam } \square \text{ minit}$

$$\begin{aligned} 3.45 \text{ jam} &= 3 \text{ jam} + 0.45 \text{ jam} \\ &= 3 \text{ jam} + (0.45 \times 60) \text{ minit} \\ &= 3 \text{ jam } 27 \text{ minit} \end{aligned}$$

jam	minit
2	87
<del>3</del>	<del>27</del>
- 1	40
1	47

$$\begin{array}{r} 60 \text{ minit} \\ + 27 \text{ minit} \\ \hline 87 \text{ minit} \end{array}$$

$$3.45 \text{ jam} - 1 \text{ jam } 40 \text{ minit} = 1 \text{ jam } 47 \text{ minit}$$

- 4  $1\frac{1}{6} \text{ jam} - 0.35 \text{ jam} = \square \text{ minit}$

$$1\frac{1}{6} \text{ jam} = \left(\frac{7}{6} \times \frac{10}{60}\right) \text{ minit} = 70 \text{ minit}$$

$$\begin{aligned} 0.35 \text{ jam} &= (0.35 \times 60) \text{ minit} \\ &= 21 \text{ minit} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 60 \\ 70 \\ - 21 \\ \hline 49 \text{ minit} \end{array}$$

$$1\frac{1}{6} \text{ jam} - 0.35 \text{ jam} = 49 \text{ minit}$$



Lengkapkan.

$$\frac{5}{6} \text{ jam} - \square \text{ minit} = \frac{3}{4} \text{ jam} - \frac{1}{6} \text{ jam}$$



- 4.3.1 (i) • Galakkan murid membeli barangan buatan Malaysia.  
4.3.2 (i) • Layari <https://rb.gy/wjpfth>

## Hari dan jam

1

Corak A  
 $1\frac{1}{3}$  hari



Corak B  
 $2\frac{1}{4}$  hari

Berapakah lebihnya masa mencanting batik corak B berbanding dengan corak A merujuk maklumat di atas?

$$2\frac{1}{4} \text{ hari} - 1\frac{1}{3} \text{ hari} = \text{■} \text{ hari}$$

$$\begin{aligned} 2\frac{1}{4} \text{ hari} - 1\frac{1}{3} \text{ hari} &= 2\frac{1 \times 3}{4 \times 3} \text{ hari} - 1\frac{1 \times 4}{3 \times 4} \text{ hari} \\ &= 2\frac{3}{12} \text{ hari} - 1\frac{4}{12} \text{ hari} \\ &= \frac{27}{12} \text{ hari} - \frac{16}{12} \text{ hari} \\ &= \frac{11}{12} \text{ hari} \end{aligned}$$

$$2\frac{1}{4} \text{ hari} - 1\frac{1}{3} \text{ hari} = \frac{11}{12} \text{ hari}$$

Masa mencanting batik corak B mengambil masa  $\frac{11}{12}$  hari lebih daripada corak A.

2  $9 \text{ hari } 18 \text{ jam} - \frac{7}{8} \text{ hari} = \text{■} \text{ hari } \text{■} \text{ jam}$

$$\begin{aligned} \frac{7}{8} \text{ hari} &= \left(\frac{7}{\cancel{8}} \times \frac{3}{24}\right) \text{ jam} \\ &= 21 \text{ jam} \end{aligned}$$

hari	jam
8	42
<del>9</del>	<del>18</del>
-	21
8	21

- Tukar 9 hari kepada 8 hari 24 jam.
- Tambah 24 jam dan 18 jam menjadi 42 jam.

$$9 \text{ hari } 18 \text{ jam} - \frac{7}{8} \text{ hari} = \text{■} \text{ hari } \text{■} \text{ jam}$$

Cari beza tempoh antara  $10\frac{5}{6}$  hari dengan  $4\frac{1}{2}$  hari. Nyatakan jawapan dalam jam.



3	<b>Kem</b>	<b>Tempoh</b>
	Pengakap	2.25 hari
	Kepimpinan Pengawas	1.5 hari

Berpandukan jadual di atas, berapakah lebihnya tempoh kem pengakap daripada kem kepimpinan pengawas?

$$2.25 \text{ hari} - 1.5 \text{ hari} = \text{■} \text{ hari}$$

$$\begin{array}{r} 1 \ 12 \\ 2.25 \text{ hari} \\ - 1.50 \text{ hari} \\ \hline 0.75 \text{ hari} \end{array}$$

$$2.25 \text{ hari} - 1.5 \text{ hari} = \mathbf{0.75} \text{ hari}$$

Tempoh kem pengakap adalah **lebih 0.75 hari** daripada kem kepimpinan pengawas.



- 4 Tolak 3 hari 5 jam daripada 9.75 hari. Beri jawapan dalam hari dan jam.

$$9.75 \text{ hari} - 3 \text{ hari } 5 \text{ jam} = \text{■} \text{ hari } \text{■} \text{ jam}$$

$$\begin{aligned} 9.75 \text{ hari} &= 9 \text{ hari} + 0.75 \text{ hari} \\ &= 9 \text{ hari} + (0.75 \times 24) \text{ jam} \\ &= 9 \text{ hari } 18 \text{ jam} \end{aligned}$$

hari	jam
9	18
- 3	5
6	13

$$9.75 \text{ hari} - 3 \text{ hari } 5 \text{ jam} = \mathbf{6} \text{ hari } \mathbf{13} \text{ jam}$$

- 5  $6.5 \text{ hari} - \frac{7}{12} \text{ hari} = \text{■} \text{ hari } \text{■} \text{ jam}$

$$\begin{aligned} 6.5 \text{ hari} &= 6 \text{ hari} + 0.5 \text{ hari} \\ &= 6 \text{ hari} + (0.5 \times 24) \text{ jam} \\ &= 6 \text{ hari } 12 \text{ jam} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \frac{7}{12} \text{ hari} &= \left(\frac{7}{12} \times 24\right) \text{ jam} \\ &= 14 \text{ jam} \end{aligned}$$

hari	jam
5	36
- <del>6</del>	<del>12</del>
-	14
5	22

$$6.5 \text{ hari} - \frac{7}{12} \text{ hari} = \mathbf{5} \text{ hari } \mathbf{22} \text{ jam}$$



4.3.1 (ii)  
4.3.2 (ii)

• Bimbing murid untuk menukar hari kepada jam dengan pelbagai cara.




## Tahun dan bulan

- 1 a Cari beza usia, dalam tahun, antara hamster dengan arnab.

$$10\frac{1}{5} \text{ tahun} - 2\frac{1}{2} \text{ tahun} = \square \text{ tahun}$$

$$\begin{aligned} &10\frac{1}{5} \text{ tahun} - 2\frac{1}{2} \text{ tahun} \\ &= 10\frac{1 \times 2}{5 \times 2} \text{ tahun} - 2\frac{1 \times 5}{2 \times 5} \text{ tahun} \\ &= 10\frac{2}{10} \text{ tahun} - 2\frac{5}{10} \text{ tahun} \\ &= 9\frac{12}{10} \text{ tahun} - 2\frac{5}{10} \text{ tahun} \\ &= 7\frac{7}{10} \text{ tahun} \end{aligned}$$

$$10\frac{1}{5} \text{ tahun} - 2\frac{1}{2} \text{ tahun} = 7\frac{7}{10} \text{ tahun}$$



usia hamster  $2\frac{1}{2}$  tahun



usia arnab  $10\frac{1}{5}$  tahun

Beza usia antara hamster dengan arnab ialah  $7\frac{7}{10}$  tahun.

- b Berapakah beza usia antara hamster dengan ikan emas?

Usia ikan emas saya lebih kurang 8 tahun 8 bulan.



$$8 \text{ tahun } 8 \text{ bulan} - 2\frac{1}{2} \text{ tahun} = \square \text{ tahun } \square \text{ bulan}$$

$$\begin{aligned} \frac{1}{2} \text{ tahun} &= \left(\frac{1}{2} \times \frac{6}{12}\right) \text{ bulan} \\ &= 6 \text{ bulan} \end{aligned}$$

tahun	bulan
8	8
- 2	6
6	2

$$\text{Jadi, } 2\frac{1}{2} \text{ tahun} = 2 \text{ tahun } 6 \text{ bulan.}$$

$$8 \text{ tahun } 8 \text{ bulan} - 2\frac{1}{2} \text{ tahun} = 6 \text{ tahun } 2 \text{ bulan}$$

Beza usia antara hamster dengan ikan emas ialah 6 tahun 2 bulan.



Nyatakan jawapan di atas dalam bulan.



- 2 Kira hasil tolak 16.875 tahun dengan 5.625 tahun.

$$16.875 \text{ tahun} - 5.625 \text{ tahun} = \text{■} \text{ tahun}$$

$$\begin{array}{r} 16.875 \text{ tahun} \\ - 5.625 \text{ tahun} \\ \hline 11.250 \text{ tahun} \end{array}$$

$$16.875 \text{ tahun} - 5.625 \text{ tahun} = \text{11.25} \text{ tahun}$$

- 3 Berapa bulankah lebihnya 30.25 tahun daripada 29 bulan?

$$30.25 \text{ tahun} - 29 \text{ bulan} = \text{■} \text{ bulan}$$

$$\begin{aligned} 30.25 \text{ tahun} &= (30.25 \times 12) \text{ bulan} \\ &= 363 \text{ bulan} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 5 \text{ 13} \\ 363 \text{ bulan} \\ - 29 \text{ bulan} \\ \hline 334 \text{ bulan} \end{array}$$

$$30.25 \text{ tahun} - 29 \text{ bulan} = \text{334} \text{ bulan}$$

- 4  $14.5 \text{ tahun} - 7\frac{3}{4} \text{ tahun} = \text{■} \text{ tahun} \text{ ■} \text{ bulan}$

**Cara 1**

$$\begin{aligned} 14.5 \text{ tahun} &= 14 \text{ tahun} + 0.5 \text{ tahun} \\ &= 14 \text{ tahun} + (0.5 \times 12) \text{ bulan} \\ &= 14 \text{ tahun } 6 \text{ bulan} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 7\frac{3}{4} \text{ tahun} &= 7 \text{ tahun} + \frac{3}{4} \text{ tahun} \\ &= 7 \text{ tahun} + \left(\frac{3}{4} \times 12\right) \text{ bulan} \\ &= 7 \text{ tahun } 9 \text{ bulan} \end{aligned}$$

tahun	bulan
13	18
<del>14</del>	<del>6</del>
- 7	9
6	9

**Cara 2**

$$\frac{3}{4} \text{ tahun} = 0.75 \text{ tahun}$$

$$\begin{aligned} 14.5 \text{ tahun} - 7\frac{3}{4} \text{ tahun} \\ &= 14.5 \text{ tahun} - 7.75 \text{ tahun} \\ &= 6.75 \text{ tahun} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 6.75 \text{ tahun} &= 6 \text{ tahun} + 0.75 \text{ tahun} \\ &= 6 \text{ tahun} + (0.75 \times 12) \text{ bulan} \\ &= 6 \text{ tahun } 9 \text{ bulan} \end{aligned}$$

$$14.5 \text{ tahun} - 7\frac{3}{4} \text{ tahun} = \text{6} \text{ tahun } \text{9} \text{ bulan}$$



4.3.1 (iii)  
4.3.2 (iii)

- Terangkan kepada murid cara menukar unit masa daripada tahun kepada bulan.

1



Berapakah lebihnya tempoh Encik Shamel tinggal di Taman Universiti berbanding dengan Encik Siva?

$$3\frac{1}{2} \text{ dekad} - 1\frac{4}{5} \text{ dekad} = \text{ [ ] dekad}$$


$$\begin{aligned} 3\frac{1}{2} \text{ dekad} - 1\frac{4}{5} \text{ dekad} &= 3\frac{1 \times 5}{2 \times 5} \text{ dekad} - 1\frac{4 \times 2}{5 \times 2} \text{ dekad} \\ &= 3\frac{5}{10} \text{ dekad} - 1\frac{8}{10} \text{ dekad} \\ &= 2\frac{15}{10} \text{ dekad} - 1\frac{8}{10} \text{ dekad} \\ &= 1\frac{7}{10} \text{ dekad} \end{aligned}$$

$$3\frac{1}{2} \text{ dekad} - 1\frac{4}{5} \text{ dekad} = 1\frac{7}{10} \text{ dekad}$$

Tempoh Encik Shamel tinggal di Taman Universiti adalah lebih  $1\frac{7}{10}$  dekad berbanding dengan Encik Siva.

2  $9 \text{ dekad} - 6\frac{3}{10} \text{ dekad} = \text{ [ ] dekad [ ] tahun}$

$$\frac{3}{10} \text{ dekad} = \left(\frac{3}{10} \times 10\right) \text{ tahun} = 3 \text{ tahun}$$



dekad	tahun
8	10
<del>9</del>	<del>0</del>
- 6	3
2	7

Tukar 9 dekad kepada 8 dekad kepada 8 dekad 10 tahun.

$$9 \text{ dekad} - 6\frac{3}{10} \text{ dekad} = 2 \text{ dekad } 7 \text{ tahun}$$

- 3 Kira beza waranti antara kedua-dua komputer riba berpandukan maklumat di sebelah.

$$0.3 \text{ dekad} - 0.2 \text{ dekad} = \text{ } \text{ dekad}$$

$$\begin{array}{r} 0.3 \text{ dekad} \\ -0.2 \text{ dekad} \\ \hline 0.1 \text{ dekad} \end{array}$$

$$0.3 \text{ dekad} - 0.2 \text{ dekad} = \text{0.1} \text{ dekad}$$

Beza tempoh waranti antara kedua-dua komputer riba ialah **0.1 dekad**.



- 4 Hitung baki, dalam tahun, apabila 47 tahun ditolak daripada 8.1 dekad.

$$8.1 \text{ dekad} - 47 \text{ tahun} = \text{ } \text{ tahun}$$

$$\begin{aligned} 8.1 \text{ dekad} &= (8.1 \times 10) \text{ tahun} \\ &= 81 \text{ tahun} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 7 \text{ II} \\ \cancel{8} \cancel{1} \text{ tahun} \\ -47 \text{ tahun} \\ \hline 34 \text{ tahun} \end{array}$$

$$8.1 \text{ dekad} - 47 \text{ tahun} = \text{34} \text{ tahun}$$

- 5  $9.4 \text{ dekad} - 2\frac{1}{2} \text{ dekad} = \text{ } \text{ dekad} \text{ } \text{ tahun}$

$$\begin{aligned} 9.4 \text{ dekad} &= (9.4 \times 10) \text{ tahun} \\ &= 94 \text{ tahun} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 2\frac{1}{2} \text{ dekad} &= \left(\frac{5}{2} \times 10\right) \text{ tahun} \\ &= 25 \text{ tahun} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 8 \text{ I4} \\ \cancel{9} \cancel{4} \text{ tahun} \\ -25 \text{ tahun} \\ \hline 69 \text{ tahun} \end{array}$$

$$\begin{aligned} 69 \text{ tahun} &= 60 \text{ tahun} + 9 \text{ tahun} \\ &= (60 \div 10) \text{ dekad} + 9 \text{ tahun} \\ &= 6 \text{ dekad } 9 \text{ tahun} \end{aligned}$$

$$9.4 \text{ dekad} - 2\frac{1}{2} \text{ dekad} = \text{6} \text{ dekad } \text{9} \text{ tahun}$$



Gunakan kad-kad nombor di atas untuk melengkapkan ayat matematik di bawah.

6.  dekad -  .  dekad =   tahun



4.3.1 (iv)  
4.3.2 (iv)

• Minta murid mencari beza tempoh tarikh luput makanan sebagai pengguna yang bijak.

# Abad dan dekad

1

Usia wang pada tahun 2021



Kira beza usia antara kedua-dua wang kertas.

$$\frac{1}{2} \text{ abad} - \frac{1}{10} \text{ abad} = \text{ } \text{ abad}$$

$$\begin{aligned} \frac{1}{2} \text{ abad} - \frac{1}{10} \text{ abad} &= \frac{1 \times 5}{2 \times 5} \text{ abad} - \frac{1}{10} \text{ abad} \\ &= \frac{5}{10} \text{ abad} - \frac{1}{10} \text{ abad} \\ &= \frac{4 \div 2}{10 \div 2} \text{ abad} \\ &= \frac{2}{5} \text{ abad} \end{aligned}$$

$$\frac{1}{2} \text{ abad} - \frac{1}{10} \text{ abad} = \frac{2}{5} \text{ abad}$$

Beza usia antara kedua-dua wang kertas ialah  $\frac{2}{5}$  abad.

2  $7\frac{3}{5}$  abad - 4 abad 8 dekad =  abad  dekad

$$\begin{aligned} \frac{3}{5} \text{ abad} &= \left(\frac{3}{5} \times \frac{2}{10}\right) \text{ dekad} \\ &= 6 \text{ dekad} \end{aligned}$$

Jadi,  $7\frac{3}{5}$  abad = 7 abad 6 dekad.

Tukar 1 abad kepada 10 dekad. Kemudian, tambah 10 dekad dan 6 dekad menjadi 16 dekad.

abad	dekad
6	16
<del>7</del>	<del>6</del>
- 4	8
2	8



$$7\frac{3}{5} \text{ abad} - 4 \text{ abad } 8 \text{ dekad} = 2 \text{ abad } 8 \text{ dekad}$$



Lengkapkan.

$$1\frac{4}{5} \text{ abad} - \text{ } \text{ abad} = 12 \text{ dekad}$$

- Lakukan aktiviti penolakan yang melibatkan abad dan dekad berpandukan kad imbasan.
- Bincangkan sejarah perubahan wang kertas di Malaysia.

- 3 Kira beza usia pengeluaran antara Proton Saga dengan Perodua Myvi.

$$0.23 \text{ abad} - 0.06 \text{ abad} = \text{ } \text{ abad}$$

$$\begin{array}{r} 1 \ 13 \\ 0. \cancel{2} \cancel{3} \text{ abad} \\ - 0.06 \text{ abad} \\ \hline 0.17 \text{ abad} \end{array}$$

$$0.23 \text{ abad} - 0.06 \text{ abad} = \mathbf{0.17} \text{ abad}$$

Beza usia pengeluaran antara Proton Saga dengan Perodua Myvi ialah **0.17 abad**.



1985 hingga 2008  
(0.23 abad)



2005 hingga 2011  
(0.06 abad)

- 4  $14.2 \text{ abad} - 3 \text{ abad } 9 \text{ dekad} = \text{ } \text{ abad } \text{ } \text{ dekad}$

$$\begin{aligned} 14.2 \text{ abad} &= 14 \text{ abad} + 0.2 \text{ abad} \\ &= 14 \text{ abad} + (0.2 \times 10) \text{ dekad} \\ &= 14 \text{ abad } 2 \text{ dekad} \end{aligned}$$

abad	dekad
13	12
<del>14</del>	<del>2</del>
- 3	9
10	3

$$14.2 \text{ abad} - 3 \text{ abad } 9 \text{ dekad} = \mathbf{10} \text{ abad } \mathbf{3} \text{ dekad}$$

- 5  $6 \frac{1}{10} \text{ abad} - 5.7 \text{ abad} = \text{ } \text{ dekad}$

$$\begin{aligned} 6 \frac{1}{10} \text{ abad} &= 6 \text{ abad} + \frac{1}{10} \text{ abad} \\ &= 6 \text{ abad} + 0.1 \text{ abad} \\ &= 6.1 \text{ abad} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 5 \ 11 \\ 6. \cancel{1} \text{ abad} \\ - 5.7 \text{ abad} \\ \hline 0.4 \text{ abad} \end{array}$$

$$\begin{aligned} 0.4 \text{ abad} &= (0.4 \times 10) \text{ dekad} \\ &= 4 \text{ dekad} \end{aligned}$$

$$6 \frac{1}{10} \text{ abad} - 5.7 \text{ abad} = \mathbf{4} \text{ dekad}$$

Berapakah abad dan dekad apabila  $2 \frac{1}{5}$  abad ditolak daripada 4.1 abad?



4.3.1 (v)  
4.3.2 (v)

- Terapkan nilai murni mencintai negara dengan membeli produk buatan Malaysia.

## Abad dan tahun

Cari beza usia antara kedua-dua tempat bersejarah ini.

1

Bangunan Sultan Abdul Samad



lebih kurang  $1\frac{1}{4}$  abad



Fort Cornwallis, Pulau Pinang



2 abad 35 tahun

a  $2 \text{ abad } 35 \text{ tahun} - 1\frac{1}{4} \text{ abad} = \text{ } \text{abad} \text{ } \text{tahun}$

$$\frac{1}{4} \text{ abad} = \left(\frac{1}{4} \times 100\right) \text{ tahun}$$

$$= 25 \text{ tahun}$$

Jadi,  $1\frac{1}{4}$  abad = 1 abad 25 tahun.

abad	tahun
2	35
- 1	25
1	10

$2 \text{ abad } 35 \text{ tahun} - 1\frac{1}{4} \text{ abad} = 1 \text{ abad } 10 \text{ tahun}$

Beza usia antara kedua-dua tempat bersejarah ialah **1 abad 10 tahun**.

- b Berapakah lebihnya usia Bangunan Stesen Keretapi Kuala Lumpur, dalam tahun, berbanding dengan Bangunan Sultan Abdul Samad?

$1.3 \text{ abad} - 1\frac{1}{4} \text{ abad} = \text{ } \text{tahun}$

$$1.3 \text{ abad} = (1.3 \times 100) \text{ tahun}$$

$$= 130 \text{ tahun}$$

$$1\frac{1}{4} \text{ abad} = \left(\frac{5}{4} \times 100\right) \text{ tahun}$$

$$= 125 \text{ tahun}$$

2	10
- 1	25
<hr/>	
	5



Berusia lebih kurang 1.3 abad pada tahun 2021.

$1.3 \text{ abad} - 1\frac{1}{4} \text{ abad} = 5 \text{ tahun}$

Usia Bangunan Stesen Keretapi Kuala Lumpur **lebih 5 tahun** berbanding dengan Bangunan Sultan Abdul Samad.





1 Kira hasil tolak.

a  $\frac{3}{4}$  jam -  $\frac{1}{2}$  jam =  jam

b  $0.5$  jam -  $0.45$  jam =  jam

c  $\frac{5}{8}$  hari -  $\frac{1}{3}$  hari =  hari

d  $0.25$  hari -  $0.125$  hari =  hari

e  $7.75$  tahun -  $4.5$  tahun =  tahun

f  $1\frac{2}{5}$  dekad -  $\frac{1}{10}$  dekad =  dekad

g  $8.11$  abad -  $6.7$  abad =  abad

2 Cari beza tempoh.

a  $\frac{5}{6}$  jam -  $13$  minit =  minit

b  $1$  jam  $40$  minit -  $0.95$  jam =  minit

c  $2\frac{3}{8}$  hari -  $1$  hari  $2$  jam =  hari  jam

d  $1.375$  hari -  $4$  jam =  hari  jam

e  $9\frac{7}{10}$  dekad -  $2$  dekad  $3$  tahun =  tahun

f  $8.1$  dekad -  $27$  tahun =  dekad  tahun

g  $2$  abad  $4$  dekad -  $1\frac{1}{5}$  abad =  dekad

3 Selesaikan.

a Kurangkan  $1$  abad  $34$  tahun daripada  $5\frac{7}{10}$  abad. Berikan jawapan dalam abad dan tahun.

b Cari beza antara  $2.1$  abad dengan  $6$  abad  $9$  tahun. Nyatakan jawapan dalam tahun.

4 Cari baki.


a  $\frac{4}{5}$  jam -  $0.15$  jam =  minit

b  $1\frac{1}{8}$  hari -  $0.875$  hari =  jam

c  $4.5$  tahun -  $1\frac{5}{12}$  tahun  
=  tahun  bulan

d  $9.1$  dekad -  $6\frac{3}{10}$  dekad  
=  dekad  tahun

5 Lengkapkan peta titi.





## SELESAIKAN MASALAH

- 1 Rajah di sebelah menunjukkan sepeket pes kari dan sepeket kerepek kentang yang dibeli oleh Vimala. Hitung tempoh selamat digunakan, dalam hari, bagi pes kari itu.



Tarikh dikilangkan:  
9.12.2019  
Tarikh luput:  
8.2.2021

### Fahami soalan

Tarikh dikilangkan: 9.12.2019

Tarikh luput: 8.2.2021

Cari tempoh selamat digunakan, dalam hari, bagi pes kari.

### Fikir cara

tarikh dikilangkan

tempoh selamat digunakan

tarikh luput

### Selesaikan

$$\begin{aligned}
 9.12.2019 \text{ hingga } 31.12.2019 &\longrightarrow 31 \text{ hari} - 9 \text{ hari} + 1 \text{ hari} = 23 \text{ hari} \\
 \text{Bilangan hari tahun } 2020 &= 366 \text{ hari} \\
 \text{Bilangan hari Januari } 2021 &= 31 \text{ hari} \\
 1.2.2021 \text{ hingga } 8.2.2021 &\longrightarrow 8 \text{ hari} - 1 \text{ hari} + 1 \text{ hari} = + 8 \text{ hari} \\
 \text{Jumlah hari} &= \underline{428 \text{ hari}}
 \end{aligned}$$

### Semak

Semak jawapan dengan menggunakan kalendar.

Tempoh selamat digunakan bagi pes kari ialah **428 hari**.

Maklumat ini terdapat pada sepeket kerepek kentang di atas. Hitung tempoh selamat digunakan, dalam hari, bagi kerepek itu.




Tarikh dikilangkan:  
17.02.2020  
Tarikh luput:  
17.08.2020

2 Gambar di sebelah menunjukkan tempoh Zaidi melakukan dua aktiviti pada waktu pagi. Hitung jumlah tempoh, dalam jam dan minit, bagi dua aktiviti itu.



**Fahami soalan** Berjoging selama  $\frac{3}{4}$  jam. Bersarapan selama 40 minit. Cari jumlah tempoh kedua-dua aktiviti.

**Fikir cara**



**Selesaikan**

Tukar  $\frac{3}{4}$  jam kepada minit.

$$\frac{3}{4} \text{ jam} = \left( \frac{3}{4} \times \frac{15}{15} \times 60 \right) \text{ minit}$$

$$= 45 \text{ minit}$$

Jumlahkan.

$$\begin{array}{r} 45 \text{ minit} \\ + 40 \text{ minit} \\ \hline 85 \text{ minit} \end{array}$$

Tukar 85 minit kepada jam dan minit.

$$\begin{array}{r} 85 \text{ minit} \\ - 60 \text{ minit} \leftarrow 1 \text{ jam} \\ \hline 25 \text{ minit} \end{array}$$

**Semak**

$$\begin{array}{r} 85 \text{ minit} \\ - 40 \text{ minit} \\ \hline 45 \text{ minit} \end{array} \rightarrow 45 \text{ minit} = \left( \frac{45 \div 15}{60 \div 15} \right) \text{ jam}$$

$$= \frac{3}{4} \text{ jam}$$

$$\frac{3}{4} \text{ jam} + 40 \text{ minit} = 1 \text{ jam } 25 \text{ minit}$$

Jumlah tempoh bagi dua aktiviti itu ialah 1 jam 25 minit.

Filem animasi A: 100 minit  
Filem animasi B: 125 minit  
Filem animasi C: 150 minit



Zaidi ingin menonton filem animasi dalam masa 1.5 jam hingga 2 jam. Filem animasi yang mana akan dipilih? Bincangkan.



4.4.1

- Bimbing murid menyelesaikan masalah menggunakan kaedah Polya berdasarkan kad-kad cerita.

- 3 Jadual di bawah menunjukkan usia daun teh herba di dalam tiga pekete yang dihadiahkan oleh Encik Tan kepada jirannya.

Warna pekete	Usia daun teh herba
Hijau	10.75 tahun
Merah	9 bulan lebih daripada pekete hijau
Coklat	$\frac{5}{6}$ tahun kurang daripada pekete hijau

Hitung usia, dalam tahun dan bulan, bagi daun teh herba di dalam:

a pekete merah.

b pekete coklat.

### Penyelesaian

a

Pekete hijau 10.75 tahun 9 bulan  
 Pekete merah

Lukis gambar rajah.

10.75 tahun + 9 bulan =      tahun      bulan

$0.75 \text{ tahun} = \frac{3}{4} \text{ tahun}$

$\frac{3}{4} \text{ tahun} = (\frac{3}{4} \times \frac{3}{12}) \text{ bulan}$   
 $= 9 \text{ bulan}$

Jadi, 10.75 tahun = 10 tahun 9 bulan

tahun	bulan
10	9
+	9
10	18
+ 1	- 12
11	6



10.75 tahun + 9 bulan = 11 tahun 6 bulan

Usia daun teh herba di dalam pekete merah ialah **11 tahun 6 bulan**.

b  $10.75 \text{ tahun} - \frac{5}{6} \text{ tahun} =$       tahun      bulan

$\frac{5}{6} \text{ tahun} = (\frac{5}{6} \times \frac{2}{12}) \text{ bulan}$   
 $= 10 \text{ bulan}$

tahun	bulan
9	21
<del>10</del>	<del>9</del>
-	10
9	11

Terangkan bagaimana kamu menyemak jawapan.



$10.75 \text{ tahun} - \frac{5}{6} \text{ tahun} =$  9 tahun 11 bulan

Usia daun teh herba di dalam pekete coklat ialah **9 tahun 11 bulan**.

- 4 Usia Bangunan Intelek dan Bangunan Harmoni pada tahun 2020 masing-masing ialah 0.4 dekad dan 2 dekad. Bilakah usia Bangunan Harmoni bersamaan dengan 3 kali usia Bangunan Intelek?

**Penyelesaian** Pada tahun 2020, Bangunan Intelek berusia 0.4 dekad. Bangunan Harmoni pula berusia 2 dekad.



Saya guna kaedah cuba jaya.

		Usia		Semak
		Bangunan Intelek	Bangunan Harmoni	
Cubaan 1	Tahun 2021	0.5 dekad	2.1 dekad	$\begin{array}{r} 0.5 \text{ dekad} \\ \times 3 \\ \hline 1.5 \text{ dekad} \end{array}$
Cubaan 2	Tahun 2022	0.6 dekad	2.2 dekad	$\begin{array}{r} 0.6 \text{ dekad} \\ \times 3 \\ \hline 1.8 \text{ dekad} \end{array}$
Cubaan 3	Tahun 2023	0.7 dekad	2.3 dekad	$\begin{array}{r} 0.7 \text{ dekad} \\ \times 3 \\ \hline 2.1 \text{ dekad} \end{array}$
Cubaan 4	Tahun 2024	0.8 dekad	2.4 dekad	$\begin{array}{r} 0.8 \text{ dekad} \\ \times 3 \\ \hline 2.4 \text{ dekad} \end{array}$



Cubaan 4 adalah tepat.

Apakah cara lain untuk menyemak jawapan?



Pada tahun 2024, usia Bangunan Harmoni bersamaan dengan 3 kali usia Bangunan Intelek.



Beza usia Bangunan Aneka dengan Bangunan Harmoni ialah 0.1 abad. Berapakah usia, dalam dekad, bagi Bangunan Aneka pada tahun 2020?



4.4.1

- Tegaskan kepada murid supaya menyemak jawapan menggunakan strategi pengiraan lain seperti darab bagi tambah berulang dan bahagi bagi tolak berturut-turut.

5



berusia  
1.15 abad

Jumlah usia bagi dua pasu antik yang ditunjukkan dalam gambar di atas ialah 318 tahun. Berapakah usia, dalam abad dan tahun, bagi pasu antik biru putih itu?

### Penyelesaian




Saya menggunakan cara bekerja ke belakang.

$$\text{■} + 1.15 \text{ abad} = 318 \text{ tahun}$$

Tukar 1.15 abad kepada tahun.

$$\begin{aligned} 1.15 \text{ abad} &= (1.15 \times 100) \text{ tahun} \\ &= 115 \text{ tahun} \end{aligned}$$



$$\begin{aligned} 203 \text{ tahun} &= 200 \text{ tahun} + 3 \text{ tahun} \\ &= 2 \text{ abad } 3 \text{ tahun} \end{aligned}$$

Saya menyemak dengan cara ini.

$$\begin{array}{r} 318 \text{ tahun} \\ - 115 \text{ tahun} \\ \hline 203 \text{ tahun} \end{array}$$

$$\begin{aligned} 203 \text{ tahun} &= 200 \text{ tahun} + 3 \text{ tahun} \\ &= (200 \div 100) \text{ abad} + 3 \text{ tahun} \\ &= 2 \text{ abad } 3 \text{ tahun} \end{aligned}$$



$$2 \text{ abad } 3 \text{ tahun} + 1.15 \text{ abad} = 318 \text{ tahun}$$

Usia pasu antik biru putih ialah **2 abad 3 tahun**.






Selesaikan masalah yang berikut.

- a Tempoh Puan Aninah menyediakan bahan dan memasak bubur kacang merah adalah seperti gambar yang ditunjukkan. Berapakah jumlah tempoh, dalam jam dan minit, dia menyiapkan hidangan itu?

Merendam kacang merah



$1\frac{2}{3}$  jam

Memasak



50 minit

- b Satu penggambaran bermula pada pukul 4:30 p.m., Selasa hingga pukul 5:30 p.m., Khamis. Hitung tempoh, dalam hari dan jam, penggambaran itu.
- c Sebuah sekolah telah mengadakan kempen antidadah seperti yang ditunjukkan dalam gambar. Hitung tempoh, dalam hari, kempen tersebut.



Bangunan Bersejarah	Usia pada tahun 2020
Masjid Jamek Kuala Lumpur	1.13 abad
Muzium Diraja Negara	92 tahun
Menara Condong Teluk Intan	1.35 abad

Berdasarkan jadual usia bangunan bersejarah di atas,:

- i hitung beza usia, dalam abad, antara Masjid Jamek Kuala Lumpur dengan Menara Condong Teluk Intan di Perak.
  - ii berapa lebihnya usia, dalam tahun, bagi bangunan paling lama berbanding dengan bangunan paling baharu?
- e Yang berikut ialah perbualan antara dua orang sahabat.



Navin



Saya belajar di SK Sentosa selama  $4\frac{1}{2}$  tahun dan 15 bulan di SK Sepayan.

Oh, kalau begitu saya belajar 0.75 tahun lebih lama daripada kamu di SK Sentosa!



Agus

Berpandukan perbualan di atas,:

- i jumlahkan tempoh, dalam tahun dan bulan, Agus belajar di kedua-dua buah sekolah.
- ii cari tempoh, dalam bulan, Navin belajar di SK Sentosa.



**1** Hitung tempoh bagi aktiviti yang dinyatakan.



Waktu mula mendaki pada  
20.5.2021, pukul 10:00 a.m.

Waktu tamat mendaki pada  
23.5.2021, pukul 1:00 p.m.

Berikan jawapan dalam hari dan jam.



Berikan jawapan dalam hari.



Berikan jawapan dalam hari.

**2** Tukar unit masa yang berikut.

a  $\frac{1}{5}$  jam =  minit

c  $\frac{5}{6}$  hari =  jam

e  $2\frac{11}{12}$  tahun =  bulan

g  $6\frac{9}{10}$  dekad =  dekad  tahun

i  $3\frac{1}{2}$  abad =  dekad

k  $5\frac{3}{4}$  abad =  abad  tahun

b 1.2 jam =  jam  minit

d 7.25 hari =  jam

f 1.5 tahun =  tahun  bulan

h 13.7 dekad =  tahun

j 24.1 abad =  abad  dekad

l 8.23 abad =  tahun

**3** Hitung.

a  $\frac{1}{4}$  jam +  $\frac{2}{3}$  jam =  jam

c  $\frac{5}{6}$  tahun + 33 bulan  
=  tahun  bulan

e 1 dekad 9 tahun +  $8\frac{1}{2}$  dekad  
=  dekad  tahun

g 3 abad 12 tahun +  $4\frac{7}{10}$  abad  
=  tahun


b 1.5 hari - 0.625 hari =  hari

d 4 dekad 2 tahun - 1.8 dekad  
=  tahun

f 7.7 abad - 38 dekad  
=  dekad

h 320 tahun - 1.6 abad  
=  abad  tahun

4 Lengkapkan peta titi di bawah.



5 Kenal pasti kesilapan dalam pengiraan dan betulkan.

a

abad	tahun
<del>4</del>	<del>13</del>
<del>5</del>	<del>3</del>
+1	6
3	7

b

dekad	tahun
<del>15</del>	<del>10</del>
<del>16</del>	<del>8</del>
-4	9
11	1

c

abad	dekad
6	7
+1	8
8	15
+1	-10
9	5

6 Selesaikan.

a i  $4.2 \text{ abad} + 18 \text{ dekad} = \text{  dekad}$

ii  $7.05 \text{ abad} - 106 \text{ tahun} = \text{  abad } \text{  tahun}$

b Tambah  $\frac{11}{12}$  tahun dan 2.5 tahun. Berikan jawapan dalam bulan.

c Hitung beza tempoh, dalam abad dan tahun, bagi  $6\frac{7}{10}$  abad dengan 9.8 abad.

7 Yang berikut ialah tiga keping kad P, Q dan R.

**P**  $5\frac{1}{4}$  tahun

**Q** 1.5 tahun

**R** 32 bulan

a Tukar masa pada kad R kepada tahun dan bulan.

b Tolak masa pada kad R dari masa pada kad P. Berikan jawapan dalam bulan.

c Berapakah lebihnya tempoh, dalam tahun dan bulan, antara kad P berbanding dengan kad Q?



8 Selesaikan masalah yang berikut.

a Rajah di bawah menunjukkan proses dan tempoh yang diambil oleh Aley untuk membuat sebiji kek.



i Hitung jumlah tempoh, dalam jam, bagi penyediaan bahan dan menghias kek.

ii Berapakah beza tempoh, dalam minit, antara mengadun dengan membakar kek?

iii Kira tempoh, dalam jam dan minit, bagi membakar dan menghias kek.

b Tempoh bagi sebuah rancangan televisyen ialah  $2\frac{1}{4}$  jam termasuk iklan selama 20 minit. Hitung tempoh, dalam jam dan minit, bagi rancangan televisyen sahaja.

c

Bangunan bersejarah	Usia pada 2020
Menara Jam Atkinson	1.15 abad
Tugu Peringatan Perang Kundasang	58 tahun
Masjid Jamek Sandakan	$1\frac{3}{10}$ abad



Jadual di atas menunjukkan usia bangunan bersejarah di Sabah pada tahun 2020.

i Hitung beza usia, dalam tahun, antara Menara Jam Atkinson dengan Tugu Peringatan Perang Kundasang.

ii Usia Masjid Jamek Sandakan adalah lebih 15 tahun daripada usia Menara Jam Atkinson. Adakah pernyataan ini benar? Buktikan.

- d) Satu lawatan sambil belajar ke Melaka telah bermula pada hari Khamis, pukul 9:00 pagi hingga hari Sabtu, pukul 3:00 petang dalam minggu yang sama. Hitung tempoh, dalam hari dan jam, bagi lawatan itu.



Kalendar di sebelah menunjukkan tarikh berkuat kuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa I di Malaysia untuk memutuskan rantaian penularan COVID-19. Berapakah tempoh, dalam hari, PKP Fasa I itu?


- f) Nelly dan Sudir masing-masing berumur 8.5 tahun dan 19 tahun pada tahun 2021.

i) Berapakah lebihnya usia Sudir daripada Nelly? Berikan jawapan dalam tahun dan bulan.

ii) Pada tahun berapa usia Sudir ialah 2 kali usia Nelly?

- g) Beza usia antara kereta antik model P dengan kereta antik model Q ialah 2 dekad 7 tahun. Kereta antik model P berusia 5.8 dekad. Berapakah usia, dalam dekad dan tahun, kereta antik model Q?

h)



Marsha diberikan satu tugas seperti gambar rajah di atas untuk diselesaikan. Dalam gambar rajah tersebut, nilai P, Q dan R tidak diberikan. Nilai dalam petak ialah hasil tambah dua unit masa dalam bulatan di antara petak itu.

i) Hitung nilai P, Q dan R.

ii) Adakah jumlah P dan Q ialah 1 abad 9 dekad? Tunjukkan pengiraan.



**AKTIVITI BERKUMPULAN**

**Alat/Bahan**

kertas A4, kad manila, gam, pensel warna, pen, gunting, bahan kitar semula seperti bahan bacaan, Internet

**Tugasan**

- 1 Tulis dua unit masa melibatkan nombor bulat, pecahan atau perpuluhan yang memberikan jumlah dan beza yang sama pada kertas A4.
- 2 Gunting dan tampalkan pada gambar seperti haiwan yang dilukis atau daripada bahan kitar semula atau Internet.
- 3 Bentangkan hasil kerja. Terima cadangan penambahbaikan daripada kumpulan lain.

2 tahun 3 bulan

$\frac{3}{4}$  tahun + 1.5 tahun

$3.5$  tahun - 15 bulan



**PANTUN MASA**

Mudik ke muara dengan Pak Nawab,  
 Berumah rakit di Sungai Rojam;  
 Wahai anak cubalah jawab,  
 Berapakah minit untuk satu tiga perempat jam?  
 Hendak ke pekan membeli mihun,  
 Terlihat Zaiton berkebaya nyonya;  
 Dua perpuluhan dua abad dengan enam tahun,  
 Dalam tahun berapa bezanya?  
 Tangan dihulur salam perkenalan,  
 Tersenyum riang nampak gembira;  
 Jumlahkan setengah tahun dan dua bulan,  
 Berapakah bulannya, silalah kira?

**IMBAS  
INI**







# 5

# PANJANG, JISIM DAN ISI PADU CECAIR



## TUKAR UNIT PANJANG

### Milimeter dan sentimeter

1



Alat penimbang ini dicipta menggunakan 9.2 cm benang dan  $36\frac{1}{2}$  cm penyangkut pakaian.

a Tukar 9.2 cm kepada mm.

$$9.2 \text{ cm} = \square \text{ mm}$$

$$9.2 \text{ cm} = (9.2 \times 10) \text{ mm} \\ = 92 \text{ mm}$$

$$9.2 \text{ cm} = \mathbf{92} \text{ mm}$$

b Tukar  $36\frac{1}{2}$  cm kepada mm.

$$36\frac{1}{2} \text{ cm} = \square \text{ mm}$$

$$36\frac{1}{2} \text{ cm} = \left(\frac{73}{2} \times \frac{5}{10}\right) \text{ mm} \\ = 365 \text{ mm}$$

$$36\frac{1}{2} \text{ cm} = \mathbf{365} \text{ mm}$$

$$\begin{array}{r} 1 \\ 73 \\ \times 5 \\ \hline 365 \end{array}$$

TIP

1 cm = 10 mm

$\times 10$

cm mm

$\div 10$

2 47 mm =  $\square$  cm

dalam perpuluhan 47 mm =  $(47 \div 10)$  cm = 4.7 cm

dalam pecahan 47 mm =  $\frac{47}{10}$  cm =  $4\frac{7}{10}$  cm

$$47 \text{ mm} = \mathbf{4.7} \text{ cm} \text{ atau } \mathbf{4\frac{7}{10}} \text{ cm}$$

3 20 cm 6 mm =  $\square$  cm

$$20 \text{ cm } 6 \text{ mm} = 20 \text{ cm} + \left(\frac{6 \div 2}{10 \div 2}\right) \text{ cm} \\ = 20 \text{ cm} + \frac{3}{5} \text{ cm} \\ = 20\frac{3}{5} \text{ cm}$$

$$20 \text{ cm } 6 \text{ mm} = \mathbf{20\frac{3}{5}} \text{ cm}$$



5.1.1 (i)  
5.1.2 (i)

- Jalankan aktiviti simulasi mengukur panjang, ketebalan objek dan kedalaman air dalam cm dan mm. Kemudian, minta murid menukarkan unit berkenaan kepada perpuluhan atau pecahan.
- Imbas kembali cara darab dan bahagi cepat melibatkan sebarang nombor dengan 10.

## Sentimeter dan meter

1 Tukar 1.37 m kepada cm.


$$1.37 \text{ m} = \square \text{ cm}$$

$$1.37 \text{ m} = (1.37 \times 100) \text{ cm}$$

$$= 137 \text{ cm}$$

$$1.37 \text{ m} = \mathbf{137} \text{ cm}$$

Ukuran lebar badan wau ini ialah 1.37 m.



2  $1\frac{1}{4}$  m =  $\square$  cm

Cara 1

$$1\frac{1}{4} \text{ m} = 1 \text{ m} + \frac{1}{4} \text{ m}$$

$$= (1 \times 100) \text{ cm} + \left(\frac{1}{4} \times 100\right) \text{ cm}$$

$$= 100 \text{ cm} + 25 \text{ cm}$$

$$= 125 \text{ cm}$$

$$1\frac{1}{4} \text{ m} = \mathbf{125} \text{ cm}$$

Cara 2

$$1\frac{1}{4} \text{ m} = \left(\frac{5}{4} \times 100\right) \text{ cm}$$

$$= (5 \times \square) \text{ cm}$$

$$= \square \text{ cm}$$

Adakah cara 2 memberikan jawapan yang sama?



3 39 cm =  $\square$  m

$$39 \text{ cm} = (39 \div 100) \text{ m}$$

$$= 0.39 \text{ m}$$

$$39 \text{ cm} = \mathbf{0.39} \text{ m}$$

4 5 m 80 cm =  $\square$  m

$$5 \text{ m } 80 \text{ cm} = 5 \text{ m} + (80 \div 100) \text{ m}$$

$$= 5 \text{ m} + 0.8 \text{ m}$$

$$= 5.8 \text{ m}$$

$$5 \text{ m } 80 \text{ cm} = \mathbf{5.8} \text{ m}$$

5.8 m sama dengan  $5\frac{4}{5}$  m. Buktikan.



1 m = 100 cm

$\times 100$

m      cm

$\div 100$

## Meter dan kilometer

1 Tukar 42.195 km kepada m.

$$42.195 \text{ km} = \square \text{ m}$$

$$42.195 \text{ km} = (42.195 \times 1\,000) \text{ m}$$

$$= 42\,195 \text{ m}$$

$$42.195 \text{ km} = \mathbf{42\,195} \text{ m}$$

### Maraton Antarabangsa Jambatan Pulau Pinang

Jarak keseluruhan 42.195 km

Tarikh: 24 November 2019

Waktu mula: 1:30 a.m.

(Terbuka Lelaki dan Wanita, dan Veteran)

Masa kelayakan: 7 jam

Lokasi permulaan: Tempat Letak Kereta  
Queensbay Mall



2  $7\frac{3}{8}$  km =  $\square$  m

$$7\frac{3}{8} \text{ km} = 7 \text{ km} + \frac{3}{8} \text{ km}$$

$$= (7 \times 1\,000) \text{ m} +$$

$$\left(\frac{3}{8} \times 1\,000\right) \text{ m}$$

$$= 7\,000 \text{ m} + 375 \text{ m}$$

$$7\frac{3}{8} \text{ km} = \mathbf{7\,375} \text{ m}$$

3 10 300 m =  $\square$  km

$$10\,300 \text{ m} = (10\,300 \div 1\,000) \text{ km}$$

$$= 10.3 \text{ km}$$

$$= 10\frac{3}{10} \text{ km}$$

$$10\,300 \text{ m} = \mathbf{10.3} \text{ km atau}$$

$$\mathbf{10\frac{3}{10}} \text{ km}$$

4 68 km 4 m =  $\square$  km

$$68 \text{ km } 4 \text{ m} = 68 \text{ km} + \left(\frac{4}{1\,000}\right) \text{ km}$$

$$= 68 \text{ km} + 0.004 \text{ km}$$

$$= 68.004 \text{ km}$$


$$68 \text{ km } 4 \text{ m} = \mathbf{68.004} \text{ km}$$

1 km = 1 000 m

$\times 1\,000$

km  $\leftrightarrow$  m

$\div 1\,000$



Nyatakan nilai Q dalam pecahan.



5.1.1 (iii)  
5.1.2 (iii)

- Galakkan murid menggunakan pelbagai strategi semasa mendarab atau membahagi seperti menggerakkan titik perpuluhan atau pemansuhan.



# CUBA INI

1 Tukar ukuran yang berikut kepada unit yang dikehendaki.

- a  $3.1 \text{ cm} = \square \text{ mm}$
- b  $7\frac{1}{2} \text{ cm} = \square \text{ mm}$
- c  $56 \text{ mm} = \square \text{ cm}$
- d  $8 \text{ cm } 4 \text{ mm} = \square \text{ cm}$
- e  $0.19 \text{ m} = \square \text{ cm}$
- f  $10\frac{3}{4} \text{ m} = \square \text{ cm}$
- g  $37 \text{ cm} = \square \text{ m}$
- h  $5 \text{ km } 2 \text{ m} = \square \text{ km}$
- i  $2\ 043 \text{ m} = \square \text{ km}$

2 Nyatakan jawapan dalam perpuluhan.

- a  $908 \text{ mm} = \square \text{ cm}$
- b  $24 \text{ m } 6 \text{ cm} = \square \text{ m}$
- c  $79 \text{ cm} = \square \text{ m}$
- d  $45 \text{ cm } 3 \text{ mm} = \square \text{ cm}$
- e  $6\ 005 \text{ m} = \square \text{ km}$
- f  $18 \text{ km } 14 \text{ m} = \square \text{ km}$

3 Nyatakan jawapan dalam pecahan.

- a  $25 \text{ mm} = \square \text{ cm}$
- b  $4 \text{ cm } 1 \text{ mm} = \square \text{ cm}$
- c  $920 \text{ cm} = \square \text{ m}$
- d  $6 \text{ m } 75 \text{ cm} = \square \text{ m}$
- e  $1\ 300 \text{ m} = \square \text{ km}$
- f  $50 \text{ km } 600 \text{ m} = \square \text{ km}$



## KENALI DIRIKU

### Kad aktiviti

#### Alat/Bahan

kad aktiviti, pen, pita ukur, pembaris, kad manila, gambar foto

#### Peserta

berpasangan

#### Tugasan

- 1 Lakukan ukuran dan lengkapkan kad aktiviti.
- 2 Salin maklumat rakan dalam kad manila dan tampalkan gambar foto.
- 3 Kumpulkan hasil kerja sebagai buku skrap.

Ukuran	Tinggi	Panjang tapak kasut	Lebar beg sekolah	Jarak dari rumah ke sekolah
mm/cm/m/km				
unit pecahan atau perpuluhan				

### Hasil Kerja

**Nama:** Kamini a/p Muthu



**Tinggi:** 139 cm = 1.39 m

**Panjang tapak kasut:** 18.6 cm

**Lebar beg sekolah:** 20.3 cm

**Jarak dari rumah ke sekolah:**  $3\frac{7}{10}$  km





## TAMBAH UNIT PANJANG


- 1 a Hitung jumlah panjang tali replika Bumi dan Uranus.

$$26.3 \text{ cm} + 18.4 \text{ cm} = \square \text{ cm}$$

$$\begin{array}{r} 26.3 \text{ cm} \\ + 18.4 \text{ cm} \\ \hline 44.7 \text{ cm} \end{array}$$

$$26.3 \text{ cm} + 18.4 \text{ cm} = 44.7 \text{ cm}$$

Jumlah panjang tali replika Bumi dan Uranus ialah **44.7 cm**.



- b Jumlahkan panjang, dalam mm, tali replika Bumi, Uranus dan Utarid.

$$26.3 \text{ cm} + 18.4 \text{ cm} + 30\frac{1}{2} \text{ cm} = \square \text{ mm}$$

$$\begin{aligned} 30\frac{1}{2} \text{ cm} &= 30 \text{ cm} + \frac{1}{2} \text{ cm} \\ &= 30 \text{ cm} + 0.5 \text{ cm} \\ &= 30.5 \text{ cm} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 26.3 \text{ cm} \\ 18.4 \text{ cm} \\ + 30.5 \text{ cm} \\ \hline 75.2 \text{ cm} \end{array}$$

$$\begin{aligned} 75.2 \text{ cm} \\ &= (75.2 \times 10) \text{ mm} \\ &= 752 \text{ mm} \end{aligned}$$

$$26.3 \text{ cm} + 18.4 \text{ cm} + 30\frac{1}{2} \text{ cm} = 752 \text{ mm}$$

Jumlah panjang tali replika Bumi, Uranus dan Utarid ialah **752 mm**.

2  $74 \text{ cm} + 1.08 \text{ m} + 2\frac{3}{4} \text{ m} = \square \text{ m}$

$$\begin{aligned} 74 \text{ cm} &= (74 \div 100) \text{ m} \\ &= 0.74 \text{ m} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 2\frac{3}{4} \text{ m} &= \frac{11}{4} \text{ m} \\ &= 2.75 \text{ m} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 74 \text{ cm} + 1.08 \text{ m} + 2\frac{3}{4} \text{ m} \\ &= 0.74 \text{ m} + 1.08 \text{ m} + 2.75 \text{ m} \\ &= 4.57 \text{ m} \end{aligned}$$

$$74 \text{ cm} + 1.08 \text{ m} + 2\frac{3}{4} \text{ m} = 4.57 \text{ m}$$


$$\begin{array}{r} 2.75 \text{ m} \\ 4 \overline{) 11.00 \text{ m}} \\ \underline{- 8} \quad \downarrow \downarrow \\ 30 \\ \underline{- 28} \quad \downarrow \\ 20 \\ \underline{- 20} \\ 0 \end{array}$$



5.1.3

- Minta murid memastikan semua ukuran telah ditukar kepada unit yang sama dan bentuk yang sama (pecahan atau perpuluhan) sebelum menambah.
- Jalankan aktiviti menambah ukuran keliling pelbagai bentuk segi tiga yang melibatkan ukuran dalam pecahan dan perpuluhan.

- 3 Hitung jarak, dalam m, dari rumah Hani ke taman burung melalui kedai bunga dan restoran.



$$8\frac{3}{5} \text{ km} + 3 \text{ km } 20 \text{ m} + 2.9 \text{ km} = \text{■} \text{ m}$$

$$8\frac{3}{5} \text{ km} = \left(\frac{43}{5} \times \frac{200}{1000}\right) \text{ m}$$

$$= 8\,600 \text{ m}$$

$$3 \text{ km } 20 \text{ m} = 3 \text{ km} + 20 \text{ m}$$

$$= (3 \times 1\,000) \text{ m} + 20 \text{ m}$$

$$= 3\,000 \text{ m} + 20 \text{ m}$$

$$= 3\,020 \text{ m}$$

$$2.9 \text{ km} = (2.9 \times 1\,000) \text{ m}$$

$$= 2\,900 \text{ m}$$

$$\begin{array}{r} 8\,600 \text{ m} \\ 3\,020 \text{ m} \\ + 2\,900 \text{ m} \\ \hline 14\,520 \text{ m} \end{array}$$

Nyatakan jarak yang paling dekat ke taman burung dari rumah Hani.



$$8\frac{3}{5} \text{ km} + 3 \text{ km } 20 \text{ m} + 2.9 \text{ km} = 14\,520 \text{ m}$$

Jarak dari rumah Hani ke taman burung melalui kedai bunga dan restoran ialah 14 520 m.



## CUBA INI

- 1 Jumlahkan ukuran mengikut unit yang dikehendaki.
- a  $37.9 \text{ cm} + 4.8 \text{ cm} = \text{■} \text{ cm}$       b  $6.7 \text{ cm} + 33.9 \text{ cm} = \text{■} \text{ mm}$
- c  $20\frac{1}{5} \text{ cm} + 7.6 \text{ cm} = \text{■} \text{ cm}$       d  $81.4 \text{ cm} + 65 \text{ cm} = \text{■} \text{ mm}$
- e  $80 \text{ cm} + 2.04 \text{ m} + \frac{1}{2} \text{ m} = \text{■} \text{ m}$       f  $31\frac{4}{5} \text{ m} + 103 \text{ cm} + 18.9 \text{ m} = \text{■} \text{ cm}$
- g  $11\frac{1}{8} \text{ km} + 45.7 \text{ km} = \text{■} \text{ km}$       h  $50.207 \text{ km} + 48\frac{3}{10} \text{ km} + 30 \text{ m} = \text{■} \text{ m}$
- 2 Jumlahkan 78.3 cm dan 27 cm. Beri jawapan dalam mm.
- 3 Berpandukan kad di sebelah, cari jumlah jarak dalam:
- a km      b m
- 9.012 km       $23\frac{2}{5} \text{ km}$       4 km 960 m





## TOLAK UNIT PANJANG

- 1 a Berapakah beza tinggi antara Robot R dengan Robot S?

$$62.7 \text{ cm} - 54.9 \text{ cm} = \text{■} \text{ cm}$$

$$\begin{array}{r} \text{11} \\ 5 \times 17 \\ \cancel{62.7} \text{ cm} \\ - 54.9 \text{ cm} \\ \hline 7.8 \text{ cm} \end{array}$$

$$62.7 \text{ cm} - 54.9 \text{ cm} = \text{7.8} \text{ cm}$$

Beza tinggi antara Robot R dengan Robot S ialah **7.8 cm**.


- b Hitung tinggi, dalam mm, Robot T.

$$54.9 \text{ cm} - \frac{3}{5} \text{ cm} = \text{■} \text{ mm}$$

$$\begin{aligned} 54.9 \text{ cm} - \frac{3}{5} \text{ cm} &= (54.9 \times 10) \text{ mm} - \left(\frac{3}{5} \times \frac{20}{10}\right) \text{ mm} \\ &= 549 \text{ mm} - 6 \text{ mm} \\ &= 543 \text{ mm} \end{aligned}$$

$$54.9 \text{ cm} - \frac{3}{5} \text{ cm} = \text{543} \text{ mm}$$

Tinggi Robot T ialah **543 mm**.



2  $2.07 \text{ m} - 16 \text{ cm} - \frac{4}{5} \text{ m} = \text{■} \text{ m}$

$$\begin{aligned} 16 \text{ cm} &= (16 \div 100) \text{ m} \\ &= 0.16 \text{ m} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 0.8 \text{ m} \\ 5 \overline{) 4.0 \text{ m}} \\ \underline{-0} \downarrow \\ 40 \\ \underline{-40} \\ 0 \end{array}$$

Tukar ukuran dalam perpuluhan m dahulu. Kemudian, tolak.



$$\begin{array}{r} \text{1 10} \\ \cancel{2.07} \text{ m} \\ - 0.16 \text{ m} \\ \hline 1.91 \text{ m} \\ - 0.80 \text{ m} \\ \hline 1.11 \text{ m} \end{array}$$

$$2.07 \text{ m} - 16 \text{ cm} - \frac{4}{5} \text{ m} = \text{1.11} \text{ m}$$



5.1.4

- Galakkan murid menolak dengan mencari baki atau beza panjang sesuatu objek.
- Minta murid melakukan penukaran unit bagi ukuran panjang yang perlu mengikut kehendak soalan.

3



Jambatan Angkat Terengganu  
638 m

Berapakah lebihnya panjang Jambatan Pulau Pinang daripada Jambatan Angkat Terengganu?

$$13.5 \text{ km} - 638 \text{ m} = \square \text{ km}$$

$$638 \text{ m} = (638 \div 1\,000) \text{ km} \\ = 0.638 \text{ km}$$

$$\begin{array}{r} 13.500 \text{ km} \\ - 0.638 \text{ km} \\ \hline 12.862 \text{ km} \end{array}$$



Jambatan Pulau Pinang  
13.5 km

$$13.5 \text{ km} - 638 \text{ m} = 12.862 \text{ km}$$

Panjang Jambatan Pulau Pinang lebih 12.862 km daripada Jambatan Angkat Terengganu.

$$4 \quad 90\frac{7}{8} \text{ km} - 34.3 \text{ km} - 1\,180 \text{ m} = \square \text{ m}$$

$$\begin{aligned} 90\frac{7}{8} \text{ km} &= 90 \text{ km} + \frac{7}{8} \text{ km} \\ &= (90 \times 1\,000) \text{ m} + \left(\frac{7}{8} \times 1\,000\right) \text{ m} \\ &= 90\,000 \text{ m} + 875 \text{ m} \\ &= 90\,875 \text{ m} \end{aligned}$$

$$34.3 \text{ km} = (34.3 \times 1\,000) \text{ m} \\ = 34\,300 \text{ m}$$


$$\begin{array}{r} 90\,875 \text{ m} \\ - 34\,300 \text{ m} \\ \hline 56\,575 \text{ m} \end{array} \quad \begin{array}{r} 56\,575 \text{ m} \\ - 1\,180 \text{ m} \\ \hline 55\,395 \text{ m} \end{array}$$

$$90\frac{7}{8} \text{ km} - 34.3 \text{ km} - 1\,180 \text{ m} = 55\,395 \text{ m}$$



Tinggi Penguin Emperor:  $1.\square \text{ m} - \frac{1}{10} \text{ m} = 1.15 \text{ m}$

Nombor pada  $\square$  adalah sama. Apakah nombor itu?



CUBA INI

Kira.

a  $53.1 \text{ cm} - 12.9 \text{ cm} = \square \text{ cm}$

b  $67.8 \text{ cm} - 2\frac{9}{10} \text{ cm} = \square \text{ mm}$

c  $18\frac{3}{4} \text{ km} - 6.509 \text{ km} = \square \text{ km}$

d  $4.15 \text{ m} - 72 \text{ cm} - 1\frac{3}{5} \text{ m} = \square \text{ m}$

e  $30\frac{1}{2} \text{ m} - 340 \text{ cm} - 25.7 \text{ m} = \square \text{ cm}$

f  $26\frac{3}{4} \text{ km} - 8 \text{ km} 85 \text{ m} - 9.27 \text{ km} = \square \text{ m}$



## DARAB UNIT PANJANG

- 1 a Berapakah lebar bingkai hiasan?

$$6 \times 2.8 \text{ cm} = \text{■} \text{ cm}$$

$$\begin{array}{r} 4 \\ 2.8 \text{ cm} \\ \times \quad 6 \\ \hline 16.8 \text{ cm} \end{array}$$

$$6 \times 2.8 \text{ cm} = \mathbf{16.8} \text{ cm}$$

Lebar bingkai hiasan ialah **16.8 cm**.


- b Hitung panjang, dalam mm, bagi bingkai hiasan.

$$14 \times 1.9 \text{ cm} = \text{■} \text{ mm}$$

$$1.9 \text{ cm} = (1.9 \times 10) \text{ mm} \\ = 19 \text{ mm}$$

$$14 \times 1.9 \text{ cm} = \mathbf{266} \text{ mm}$$

Panjang bingkai hiasan ialah **266 mm**.



$$\begin{array}{r} 3 \\ 19 \text{ mm} \\ \times 14 \\ \hline 76 \\ + 190 \\ \hline 266 \text{ mm} \end{array}$$

Hitung panjang dan lebar bagi setiap kad motivasi pada bingkai di atas.



2  $56 \times 7\frac{3}{4} \text{ m} = \text{■} \text{ cm}$

Cara 1

$$\begin{aligned} 56 \times 7\frac{3}{4} \text{ m} &= \cancel{56} \times \frac{\cancel{31}}{4} \text{ m} \\ &= 434 \text{ m} \\ &= (434 \times 100) \text{ cm} \\ &= 43\,400 \text{ cm} \end{aligned}$$

Cara 2

$$\begin{aligned} 7\frac{3}{4} \text{ m} &= 7 \text{ m} + \frac{3}{4} \text{ m} \\ &= (7 \times 100) \text{ cm} + \left(\frac{3}{4} \times \cancel{100}\right) \text{ cm} \\ &= 700 \text{ cm} + 75 \text{ cm} \\ &= 775 \text{ cm} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 32 \\ 43 \\ 775 \text{ cm} \\ \times \quad 56 \\ \hline 4650 \\ + 38750 \\ \hline 43400 \text{ cm} \end{array}$$

$$56 \times 7\frac{3}{4} \text{ m} = \mathbf{43\,400} \text{ cm}$$



5.1.5

- Gunakan pelbagai contoh situasi harian yang melibatkan pendaraban seperti mencari panjang bangku atau meja yang disambungkan.
- Terapkan nilai murni lain sebagai seorang murid seperti tidak berputus asa dan belajar dengan tekun.

- 3 Hitung jumlah jarak, dalam m, Aiman pergi dan balik dalam tempoh 5 hari persekolahan.

$$10 \times 2.735 \text{ km} = \text{ } \text{ m}$$

$$10 \times 2.735 \text{ km} = 10 \times (2.735 \times 1\,000) \text{ m}$$

$$= 10 \times 2\,735 \text{ m}$$

$$= 27\,350 \text{ m}$$

$$10 \times 2.735 \text{ km} = \text{27 350} \text{ m}$$

Jumlah jarak Aiman pergi dan balik dalam tempoh 5 hari persekolahan ialah **27 350 m**.



4  $100 \times 48\frac{1}{2} \text{ m} = \text{ } \text{ km}$

$$\frac{1}{2} \text{ m} = 0.5 \text{ m}$$

$$100 \times 48\frac{1}{2} \text{ m} = 100 \times 48.5 \text{ m}$$

$$= 4\,850 \text{ m}$$

$$= (4\,850 \div 1\,000) \text{ km}$$

$$= 4.850 \text{ km}$$

$$100 \times 48\frac{1}{2} \text{ m} = \text{4.85} \text{ km}$$

5  $1\,000 \times 19\frac{4}{5} \text{ cm} = \text{ } \text{ m}$

$$\frac{4}{5} \text{ cm} = 0.8 \text{ cm}$$

$$1\,000 \times 19\frac{4}{5} \text{ cm} = 1\,000 \times 19.8 \text{ cm}$$

$$= 19\,800 \text{ cm}$$

$$= (19\,800 \div 100) \text{ m}$$

$$= 198 \text{ m}$$

$$1\,000 \times 19\frac{4}{5} \text{ cm} = \text{198} \text{ m}$$



## CUBA INI

- 1 Darab.

a  $8 \times 4.39 \text{ cm} = \text{ } \text{ cm}$

c  $13 \times 7\frac{1}{5} \text{ cm} = \text{ } \text{ m}$

e  $42 \times 18.05 \text{ km} = \text{ } \text{ km}$

b  $6 \times 9\frac{3}{4} \text{ cm} = \text{ } \text{ mm}$

d  $25 \times 7.44 \text{ m} = \text{ } \text{ km}$

f  $70 \times 10\frac{1}{2} \text{ m} = \text{ } \text{ km}$

- 2 Lengkapkan.

a

100 ×	0.2 km	=		m
	$\frac{1}{4} \text{ m}$			cm
	1.567 km			km

b

1 000 ×	8.3 cm	=		mm
	$2\frac{1}{5} \text{ m}$			cm
	0.046 km			m




## BAHAGI UNIT PANJANG

1 Berapakah tebal sekeping duit syiling 10 sen?

$$12 \text{ mm} \div 8 = \square \text{ mm}$$

$$\begin{array}{r}
 1.5 \text{ mm} \\
 8 \overline{) 12.0 \text{ mm}} \\
 \underline{- 8} \phantom{0} \\
 40 \\
 \underline{- 40} \\
 0
 \end{array}$$



$$12 \text{ mm} \div 8 = 1.5 \text{ mm}$$

Tebal sekeping duit syiling 10 sen ialah 1.5 mm.

2  $45.18 \text{ cm} \div 9 = \square \text{ mm}$

Langkah 1

$$\begin{array}{r}
 5.02 \text{ cm} \\
 9 \overline{) 45.18 \text{ cm}} \\
 \underline{- 45} \phantom{0} \\
 018 \\
 \underline{- 018} \\
 0
 \end{array}$$

Langkah 2

$$\begin{aligned}
 5.02 \text{ cm} &= (5.02 \times 10) \text{ mm} \\
 &= 50.2 \text{ mm}
 \end{aligned}$$

$$45.18 \text{ cm} \div 9 = 50.2 \text{ mm}$$



Bolehkah kamu tukar kepada unit mm dahulu, kemudian bahagi? Bincangkan.

3  $3\frac{1}{5} \text{ m} \div 16 = \square \text{ cm}$

Langkah 1

$$\begin{aligned}
 3\frac{1}{5} \text{ m} &= \left(\frac{16}{5} \times \frac{20}{100}\right) \text{ cm} \\
 &= 320 \text{ cm}
 \end{aligned}$$

Langkah 2

- a)  $\frac{1}{2} \text{ kg} + 0.15 \text{ kg} = \square \text{ kg}$     b)  $47.07 \text{ kg} + 13\,080 \text{ g} + 9\frac{3}{4} \text{ kg} = \square \text{ g}$   
 c)  $7\frac{1}{4} \text{ kg} - 0.26 \text{ kg} = \square \text{ kg}$     d)  $12\frac{9}{10} \text{ kg} - 6.98 \text{ kg} - 1\,120 \text{ g} = \square \text{ g}$   
 e)  $18 \times 4.5 \text{ g} = \square \text{ kg}$     f)  $2\frac{7}{8} \text{ kg} \div 100 = \square \text{ g}$

6 Cari jawapan.

- a)  $0.375 \text{ l} + 900 \text{ ml} = \square \text{ ml}$     b)  $6\frac{1}{4} \text{ l} + 1\,140 \text{ ml} + 3.9 \text{ l} = \square \text{ l}$   
 c)  $15.01 \text{ l} - 860 \text{ ml} = \square \text{ l}$     d)  $40.308 \text{ l} - 17\frac{1}{2} \text{ l} - 580 \text{ ml} = \square \text{ ml}$   
 e)  $27 \times 3\frac{1}{5} \text{ l} = \square \text{ ml}$     f)  $8 \text{ l } 92 \text{ ml} \div 1\,000 = \square \text{ ml}$

7 Selesaikan.

- a Berapakah perlu ditolak daripada 3 206 g supaya menjadi 1.507 kg?
- b Cari hasil bahagi  $16\frac{3}{4} \ell$  dengan 25. Beri jawapan dalam  $\ell$ .

8 Selesaikan masalah berikut.

- a Aishah menggunakan  $2\frac{1}{4}$  m reben merah dan 85 cm reben biru untuk membuat kraf tangan.

- i Hitung panjang, dalam m, reben biru.
- ii Hitung jumlah panjang, dalam m, dua utas reben itu.

- b Berpandukan gambar rajah di sebelah, jarak dari sekolah ke kedai buku ialah 4 kali jarak dari rumah Adam ke sekolah. Adam berbasikal dari rumahnya ke kedai buku melalui sekolah. Kemudian, dia balik mengikut jarak yang paling dekat.



- i Hitung jarak, dalam m, dari sekolah ke kedai buku.
- ii Hitung jumlah jarak, dalam km, yang dilalui oleh Adam.

- c Encik Sulaiman telah menyumbang dua kotak yang berisi 96 botol air mineral kesemuanya kepada mangsa banjir. Jumlah isi padu air ialah 24  $\ell$ . Berapakah isi padu, dalam  $\ell$ , sebotol air mineral? Nyatakan jawapan dalam pecahan.

- d Jadual menunjukkan jisim tiga jenis kek yang dijual di sebuah kedai.

- i Berapakah jisim, dalam kg, bagi sebiji kek strawberi?
- ii Pekedai itu telah menjual 6 kg kek pada suatu petang. Nyatakan bilangan dan jenis kek yang mungkin dijualnya.

Kek	Jisim
Coklat	$1\frac{1}{2}$ kg
Strawberi	50 g lebih daripada kek lobak merah
Lobak merah	1.2 kg

e



Jacky

Saya guna 125 mm dawai untuk membentuk pentagon sekata.

Nyatakan panjang sisi, dalam cm, bagi:

i pentagon.

Saya guna 0.5 cm kurang daripada panjang dawai kamu untuk buat segi empat sama.

ii segi empat sama.



Farah



5.2.3,  
5.3.5, 5.4

- Jalankan aktiviti kuiz secara berkumpulan untuk menyelesaikan soalan Cuba Lagi.
- Tambah soalan mudah untuk kemahiran penyelesaian masalah.

### Alat/Bahan

duit syiling, penanda ● ▲, kad permainan, kertas, pen

### Peserta

2 orang pemain dan 1 orang pengadil

## Permainan 2S → Selesaikan dan Susun


$$0.84 \text{ cm} + 37 \text{ mm} + \frac{1}{2} \text{ cm} = \square \text{ mm}$$

$$\frac{7}{8} \text{ m} - 34 \text{ cm} - 5.6 \text{ cm} = \square \text{ cm}$$

$$70 \times 3\frac{1}{2} \text{ km} = \square \text{ m}$$

$$2\frac{1}{5} \text{ kg} \div 8 = \square \text{ g}$$

stesen penanda



$$1\,000 \times 17.8 \text{ l} = \square \text{ l}$$

Darabkan 15 dengan  $\frac{3}{4}$  kg.  
Beri jawapan dalam g.

Bahagikan 9.018 km dengan 9. Berikan jawapan dalam m.

Sehelai jubah memerlukan  $3\frac{3}{4}$  m kain. Berapakah panjang, dalam cm, bagi 6 helai jubah?

Jisim 1 uncang teh ialah 0.002 kg. Jisim 100 uncang teh ialah  $\square$  g.

Aida minum 14.7 l air dalam seminggu. Dalam sehari, dia minum  $\square$  ml air.

### Cara bermain

- 1 Telangkupkan semua kad soalan.
- 2 Lambung duit syiling untuk tentukan giliran.
- 3 Pemain pertama membuka sekeping kad soalan dan jawab.
- 4 Letakkan penanda pada bulatan di stesen penanda jika jawapan betul. Hanya satu penanda diletakkan bagi setiap jawapan yang betul.
- 5 Tukar giliran. Ulang cara 3 dan 4 sehingga semua kad soalan diselesaikan.
- 6 Pemain yang paling awal meletakkan penanda dalam bentuk ●, ●●, ●●● atau ●●●● ialah pemenang.



# 6 RUANG



## POLIGON SEKATA

1



Wah, cantiknya corak dinding ini!


Ada segi lima, pentagon!

Ya. Ada poligon sekata dan tak sekata.

Mari kenal ciri-ciri poligon sekata.



a



b



### Ciri-ciri pentagon sekata


- 5 sisi lurus sama panjang
- 5 sudut pedalaman
- 5 penjuru
- 5 pepenjuru
- 5 paksi simetri



6.1.1

- Lakukan aktiviti lipatan bentuk poligon menggunakan potongan kertas atau kad untuk murid meneroka ciri-ciri poligon sekata.
- Jelaskan penjuru bersinonim dengan bucu. Imbas kembali ciri-ciri poligon sekata yang telah diketahui. Terangkan maksud sudut pedalaman.

2 Namakan poligon sekata ini. Ceritakan ciri-cirinya.



Pepenjuru ialah garisan lurus yang dibuat dari penjuru ke penjuru yang bertentangan.



### CUBA INI



1 Tulis nama poligon berpandukan ciri-cirinya.

- a
- 6 sisi lurus yang tertutup
  - semua sisi lurus sama panjang
  - 6 paksi simetri

- b
- 3 sisi lurus sama panjang
  - 3 sudut pedalaman yang sama besar
  - 0 pepenjuru

- c
- 7 penjuru
  - semua sisi lurus sama panjang
  - 14 pepenjuru

2 Berapakah bilangan pepenjuru bagi poligon sekata yang ditunjukkan?



3 Lengkapkan jadual.

Poligon sekata	Bilangan sisi lurus	Bilangan penjuru	Bilangan paksi simetri	Bilangan sudut	Bilangan pepenjuru
segi tiga sama sisi	3		3		
segi empat sama		4		4	
pentagon		5	5		
heksagon	6		6		9
heptagon		7		7	14
oktagon	8			8	20





# UKUR SUDUT PEDALAMAN


- 1 Saiz semua sudut pedalaman bagi pentagon sekata adalah sama. Berapakah nilai sudut  $a$ ?



Protraktor atau jangka sudut digunakan untuk mengukur nilai sudut  $a$ .



skala dalam  
skala luar



## Cara-cara mengukur nilai sudut $a$ :


- 1 Letakkan pusat protraktor tepat dengan penjuru A.
- 2 Pastikan garis AE bertindih dengan garis asas protraktor.
- 3 Baca skala dalam dari  $0^\circ$  (garis AE) hingga ke sisi (garis AB).
- 4 Nilai sudut  $a$  ialah  $108^\circ$  atau  $110^\circ - 2^\circ = 108^\circ$ .

Nilai sudut  $a$  ialah seratus lapan darjah.

108°



- 2 Nyatakan nilai sudut  $p$ .



Pastikan pusat protraktor bertindih dengan penjuru sudut yang hendak diukur,  $p$ .



Nilai sudut  $p$  ialah .

Bolehkah kamu nyatakan jenis sudut  $a$  dan  $p$  di atas? Mengapa?




6.2.1

- Perkenalkan ciri-ciri yang ada pada jangka sudut atau protraktor kepada murid seperti skala dalam, skala luar, garis asas dan pusat protraktor.
- Buat demonstrasi cara pengukuran sudut menggunakan protraktor secara terperinci.

3

a



Nilai sudut  $a$  ialah  .


Nilai sudut  $b$  ialah  .



**UJI MINDA**

Namakan poligon yang mempunyai sudut  $90^\circ$  dan sudut tirus.

b



Bacaan skala luar S:  $0^\circ$

Bacaan skala luar R:  $120^\circ$


Nilai sudut  $p =$   -   
 $=$




**CUBA INI**

Salin gambar rajah poligon sekata di bawah. Ukur dan catat nilai sudut pedalamannya.


a



b



c




- Bimbing murid menyelesaikan soalan Cuba Ini dan pastikan murid mengukur nilai sudut dengan teknik yang betul.
- Jalankan projek mengukur sudut pada topeng poligon untuk mengukuhkan pemahaman murid.



## PERIMETER BENTUK GABUNGAN

1

Indung, kita telah menghasilkan penanda buku ini daripada dua bentuk poligon sekata.



Shanti, jom kita hias keliling penanda buku dengan kertas hijau ini.


Bagaimanakah menentukan panjang kertas hijau yang diperlukan?



Panjang kertas hijau merupakan panjang sisi luar atau perimeter bentuk gabungan.



- 1 Ukur panjang semua sisi luar bentuk gabungan.
- 2 Jumlahkan ukuran panjang semua sisi luar bentuk gabungan.




$$\text{Perimeter} = (9 + 9 + 9 + 9 + 9 + 9 + 9) \text{ cm} \\ = 63 \text{ cm}$$

ATAU

$$\text{Perimeter} = 7 \times 9 \text{ cm} \\ = 63 \text{ cm}$$

Panjang kertas hijau yang diperlukan ialah **63 cm**.




Adakah perimeter bentuk gabungan poligon sekata ini 63 cm juga? Bincangkan.



6.3.1

- Berikan setiap kumpulan murid beberapa bentuk poligon sekata. Minta setiap kumpulan membentuk gabungan dua poligon dan seterusnya menentukan perimeter bentuk gabungan itu.

2




Tentukan satu sisi mula untuk mengira.

**Cara 1** Perimeter =  $(10 + 10 + 6 + 4 + 4 + 4 + 4 + 4 + 4 + 4 + 10)$  m  
 = **64** m

**Cara 2** Perimeter = Perimeter sisi luar + Perimeter sisi luar segi empat sama  
 oktagon  
 =  $(7 \times 4 \text{ m}) + (10 \text{ m} + 10 \text{ m} + 10 \text{ m} + 6 \text{ m})$   
 =  m +  m  
 =  m


3 Kira perimeter bagi kawasan berlorek.




Perimeter kawasan berlorek  
 =  $(6 + 6 + 5 + 6 + 5 + 6 + 6)$  cm  
 =  cm



Jumlahkan panjang sisi keliling kawasan berlorek.



4



Bincangkan kesilapan pengiraan perimeter ini.

Perimeter kawasan bercorak  
 $(4 + 5 + 2 + 1 + 1)$  m = 13 m **X**






**Alat/Bahan** MS Word, kertas A4, pencetak, pembaris, pen

**Peserta** 4 orang sekumpulan



**Tugasan**

- 1 Lancarkan MS Word.
- 2 Klik *Insert*. Klik *Shapes*. Pilih dua bentuk poligon sekata hingga enam sisi termasuk segi tiga bersudut tegak, segi tiga sama kaki dan segi empat tepat.
- 3 Buat beberapa dua bentuk gabungan mengikut kreativiti dengan mengubah suai saiz, susunan dan warna bentuk.
- 4 Cetak dan ukur perimeter bentuk gabungan.
- 5 Bentangkan hasil kerja secara Jalan Galeri (*Gallery Walk*).





**CUBA INI**

1 Hitung perimeter bagi bentuk gabungan di bawah.



2 Cari perimeter bagi kawasan bercorak.








## LUAS BENTUK GABUNGAN

1 Kira luas bentuk gabungan yang diwarnakan oleh Chin.



Luas segi empat sama = panjang  $\times$  lebar

Luas segi tiga =  $\frac{1}{2} \times$  tapak  $\times$  tinggi



Catatkan ukuran panjang, lebar, tapak dan tinggi.



Luas segi empat sama, A:

$$4 \text{ unit} \times 4 \text{ unit} = 16 \text{ unit}^2$$


Luas segi tiga bersudut tegak, B:

$$\frac{1}{2} \times 2 \text{ unit} \times 4 \text{ unit} = 4 \text{ unit}^2$$

$$\text{Luas bentuk gabungan} = 16 \text{ unit}^2 + 4 \text{ unit}^2 = 20 \text{ unit}^2$$

Luas bentuk gabungan yang diwarnakan oleh Chin ialah **20 unit<sup>2</sup>**.

2



Berapakah luas permukaan dinding yang telah dicat?

Luas permukaan dinding yang telah dicat

$$= \text{permukaan A} + \text{permukaan B}$$


$$= (3 \text{ m} \times 2 \text{ m}) + (3 \text{ m} \times 5 \text{ m})$$

$$= 6 \text{ m}^2 + 15 \text{ m}^2$$

$$= 21 \text{ m}^2$$

Luas permukaan dinding yang telah dicat ialah **21 m<sup>2</sup>**.






Luas bentuk gabungan

$$\begin{aligned}
 &= \text{luas } \triangle + \text{luas } \triangle \\
 &= \left(\frac{1}{2} \times 60 \text{ cm} \times 40 \text{ cm}\right) + \left(\frac{1}{2} \times \text{ } \text{ cm} \times 100 \text{ cm}\right) \\
 &= \text{ } \text{ cm}^2 + \text{ } \text{ cm}^2 \\
 &= \text{ } \text{ cm}^2
 \end{aligned}$$

- 4 Ayah menanam rumput pada kawasan berlorek seperti yang ditunjukkan. Cari luas kawasan berumput itu.





Luas kawasan berumput  
= luas segi empat tepat – luas segi empat sama

$$\begin{aligned}
 &= (6 \text{ m} \times 4.8 \text{ m}) - (2 \text{ m} \times 2 \text{ m}) \\
 &= \text{ } \text{ m}^2 - \text{ } \text{ m}^2 \\
 &= \text{ } \text{ m}^2
 \end{aligned}$$





## CUBA INI

- 1 Hitung luas setiap bentuk gabungan di bawah.



- 2 Kira luas kawasan berlorek.





# ISI PADU BENTUK GABUNGAN

1




Berapakah isi padu bentuk gabungan?

## Cara 1


Kira bilangan kubus 1 unit padu



6 kubus  
1 unit padu  
 $6 \text{ unit}^3$




54 kubus  
1 unit padu  
 $54 \text{ unit}^3$



Isi padu bentuk gabungan  
 $= 6 \text{ unit}^3 + 54 \text{ unit}^3$   
 $= 60 \text{ unit}^3$

## Cara 2



Isi padu bentuk gabungan  
 $=$  Isi padu  $+$  Isi padu   
 $= (2 \text{ unit} \times 1 \text{ unit} \times 3 \text{ unit})$   
 $+$   $(9 \text{ unit} \times 2 \text{ unit} \times 3 \text{ unit})$   
 $= 6 \text{ unit}^3 + 54 \text{ unit}^3$   
 $= 60 \text{ unit}^3$


Isi padu bentuk gabungan ialah  $60 \text{ unit}^3$ .



Bina gabungan bentuk kubus dan kuboid daripada 59 kubus unit padu. Nyatakan isi padu kuboid dan kubus bagi gabungan bentuk itu.

- Tegaskan isi padu bentuk gabungan adalah sama walaupun susunan berbeza.
- Sediakan kubus dan kuboid pelbagai saiz untuk murid meneroka pelbagai gabungan dua bentuk bagi mencari isi padunya.

2



Isi padu kuboid =  $10 \text{ cm} \times 8 \text{ cm} \times \text{[ ] cm}$   
 =  $\text{[ ] cm}^3$

Isi padu kubus =  $\text{[ ] cm} \times \text{[ ] cm} \times \text{[ ] cm}$   
 =  $\text{[ ] cm}^3$


Isi padu bentuk gabungan  
 =  $\text{[ ] cm}^3 + \text{[ ] cm}^3$   
 =  $\text{[ ] cm}^3$

Lengkapkan pengiraan ini.



3 Hitung isi padu bongkah yang tinggal setelah bahagian tengahnya dikeluarkan.

Isi padu bongkah yang tinggal  
 =  $(4 \text{ m} \times 5 \text{ m} \times 6 \text{ m}) - (2 \text{ m} \times 4 \text{ m} \times 3 \text{ m})$   
 =  $120 \text{ m}^3 - 24 \text{ m}^3$   
 =  $96 \text{ m}^3$




Isi padu bongkah yang tinggal ialah  $96 \text{ m}^3$ .




CUBA INI

Hitung isi padu bongkah yang berikut.

a



b




6.4.1

- Bimbing murid mengira panjang sisi yang tidak diberikan dalam soalan Cuba Ini.
- Laksanakan sesi *Think-Pair-Share* tentang isi padu dua bentuk gabungan dalam setiap kumpulan.



## SELESAIKAN MASALAH

- 1 Zariq mereka bentuk pelan kolam ikan hiasan dengan menggabungkan dua bentuk. Dia akan membuat pagar di sekelilingnya. Berapakah panjang pagar itu?



### Fahami soalan

- Gabungan segi empat tepat dan oktagon sekata.
- Ukuran kolam seperti dalam pelan.
- Cari panjang pagar di sekeliling kolam.

### Fikir cara

- Tandakan panjang sisi luar kolam.
- Jumlahkan panjang semua sisi luar kolam untuk mencari panjang pagar.



### Selesaikan

$$\begin{aligned}
 &\text{Panjang pagar} \\
 &= \text{panjang sisi luar kolam} + \text{panjang sisi luar kolam} \\
 &\quad \text{segi empat tepat} \quad \quad \quad \text{oktagon sekata} \\
 &= (1 \text{ m} + 20 \text{ m} + 10 \text{ m} + 20 \text{ m} + 1 \text{ m}) + (7 \times 8 \text{ m}) \\
 &= 52 \text{ m} + 56 \text{ m} \\
 &= 108 \text{ m}
 \end{aligned}$$

### Semak


$$\begin{aligned}
 &\text{Perimeter kolam} \quad \text{○} \\
 &= 8 \times 8 \text{ m} \\
 &= 64 \text{ m}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 &\text{Perimeter kolam} \quad \text{■} \\
 &= (2 \times 20 \text{ m}) + (2 \times 10 \text{ m}) \\
 &= 40 \text{ m} + 20 \text{ m} \\
 &= 60 \text{ m}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Perimeter sisi luar kolam} &= 64 \text{ m} + 60 \text{ m} - (2 \times 8 \text{ m}) \\
 &= 124 \text{ m} - 16 \text{ m} \\
 &= 108 \text{ m}
 \end{aligned}$$


Panjang pagar ialah **108 m**.

- 2 Jafri melakar potongan yang akan dibuat pada sebuah bongkah kayu. Lakaran potongan itu berbentuk kuboid. Kira isi padu bongkah kayu selepas dipotong.



### Fahami soalan

- Kenal pasti ukuran panjang, lebar dan tinggi bongkah kayu asal serta bentuk potongan.
- Potongan berbentuk kuboid.
- Cari isi padu bongkah kayu selepas dipotong.



### Fikir cara

- Isi padu bongkah kayu asal =  $23 \text{ cm} \times 16 \text{ cm} \times 18 \text{ cm}$ .
- Isi padu kuboid yang akan dipotong =  $14 \text{ cm} \times 16 \text{ cm} \times 14 \text{ cm}$ .
- Isi padu bongkah kayu selepas dipotong = Isi padu bongkah kayu asal - Isi padu kuboid yang akan dipotong

### Selesaikan

Isi padu bongkah kayu asal

$$\begin{array}{r}
 \begin{array}{r}
 23 \text{ cm} \\
 \times 16 \text{ cm} \\
 \hline
 138 \\
 + 230 \\
 \hline
 368 \text{ cm}^2
 \end{array} \\
 \begin{array}{r}
 368 \text{ cm}^2 \\
 \times 18 \text{ cm} \\
 \hline
 2944 \\
 + 3680 \\
 \hline
 6624 \text{ cm}^3
 \end{array}
 \end{array}$$

Isi padu kuboid yang akan dipotong

$$\begin{array}{r}
 \begin{array}{r}
 14 \text{ cm} \\
 \times 16 \text{ cm} \\
 \hline
 84 \\
 + 140 \\
 \hline
 224 \text{ cm}^2
 \end{array} \\
 \begin{array}{r}
 224 \text{ cm}^2 \\
 \times 14 \text{ cm} \\
 \hline
 896 \\
 + 2240 \\
 \hline
 3136 \text{ cm}^3
 \end{array}
 \end{array}$$

Isi padu bongkah kayu selepas dipotong

$$\begin{array}{r}
 6624 \text{ cm}^3 \\
 - 3136 \text{ cm}^3 \\
 \hline
 3488 \text{ cm}^3
 \end{array}$$


### Semak

$$\begin{array}{r}
 3488 \text{ cm}^3 \\
 + 3136 \text{ cm}^3 \\
 \hline
 6624 \text{ cm}^3
 \end{array}$$

Isi padu bongkah kayu selepas dipotong ialah  $3488 \text{ cm}^3$ .



- 3 Ayah ingin membina siar kaki di halaman rumah dengan bata seperti dalam gambar rajah. Ayah memperuntukkan RM4 000. Kos membina  $1 \text{ m}^2$  siar kaki ialah RM100. Adakah wang itu mencukupi?



### Penyelesaian

Kenal pasti ukuran panjang dan lebar siar kaki A dan B. Kira luas siar kaki A dan B.

Cari jumlah luas kawasan siar kaki A dan B.

Kira jumlah kos kawasan siar kaki A dan B.

Buat kesimpulan sama ada peruntukan RM4 000 cukup atau tidak.

$$\begin{aligned} \text{Luas kawasan siar kaki A} &= 6 \text{ m} \times 4 \text{ m} \\ &= 24 \text{ m}^2 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Luas kawasan siar kaki B} &= 2 \text{ m} \times 4 \text{ m} \\ &= 8 \text{ m}^2 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah luas kawasan siar kaki A dan B} &= \text{Luas kawasan A} + \text{Luas kawasan B} \\ &= 24 \text{ m}^2 + 8 \text{ m}^2 \\ &= 32 \text{ m}^2 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah kos kawasan siar kaki} &= \text{Jumlah luas kawasan siar kaki A dan B} \\ &\quad \times \text{Kos } 1 \text{ m}^2 \text{ siar kaki} \\ &= 32 \times \text{RM}100 \\ &= \text{RM}3\,200 \end{aligned}$$


### Kesimpulan

Ya. Tidak. Wang peruntukan RM4 000  mencukupi  tidak mencukupi.




Selesaikan masalah di bawah.

- a) Pak Cik Naim membuat parit di sekeliling tanah kebunnya seperti dalam gambar rajah. Kira panjang parit itu.




- b) Sekeping kad dengan permukaan asal berbentuk segi empat tepat telah dipotong seperti gambar rajah.

- i) Cari perimeter kad yang tidak dipotong.  
ii) Berapakah luas permukaan kad yang tidak dipotong?




- c) Bentuk halaman rumah Seng Huat adalah seperti gambar rajah. Dia menanam rumput di seluruh halaman rumahnya. Hitung luas kawasan berumput itu.





- d) Dalam satu projek reka bentuk, sebuah kuboid dipotong dan dikeluarkan daripada sebuah kubus.



- i) Hitung isi padu kuboid yang dikeluarkan.  
ii) Adakah isi padu kubus yang tinggal ialah  $7\,750\text{ cm}^3$ ? Buktikan.





1 Salin gambar poligon sekata yang berikut. Tulis ciri-ciri dan nama poligon sekata dalam petak kosong.





2 Ukur sudut pedalaman bagi poligon sekata ini. Tulis nilai sudut itu.





3 Hitung perimeter bagi bentuk gabungan ini.




4 Tentukan luas bagi bentuk gabungan ini.



5 Nyatakan isi padu bongkah di bawah.



6 Selesaikan masalah.




Ayah memotong bahagian tengah berbentuk kubus daripada sebuah bongkah berbentuk kuboid seperti gambar rajah.

- i Berapakah isi padu kubus itu?
- ii Kira isi padu kuboid yang asal.
- iii Adakah isi padu bongkah yang tinggal ialah  $936 \text{ cm}^3$ ? Buktikan.

b Kawasan sawah yang diusahakan oleh Pak Ali adalah seperti gambar rajah berlorek.

- i Kira keluasan sawah Pak Ali.
- ii Berapakah panjang tali air di sekeliling sawah Pak Ali?



## Alat/Bahan

5 kad tugas, 5 kad manila, pen, seutas reben berukuran 1 m, penebuk lubang, bentuk-bentuk poligon, bentuk-bentuk gabungan kubus dan kuboid

## Peserta

5 kumpulan murid

## Cara

- 1 Setiap kumpulan diberikan satu kad tugas untuk diselesaikan.  
Contoh:

### Kad 1

Pilih satu poligon sekata dan tampalkan pada kad manila. Tulis ciri-ciri dan nama poligon sekata itu.

### Kad 2

Pilih satu poligon sekata dan tampalkan pada kad manila. Labelkan semua nilai sudut pedalaman.

### Kad 3

Gabungkan dan tampalkan dua bentuk poligon sekata. Kira perimeter bentuk gabungan itu.

### Kad 4


Gabungkan dua poligon sekata, atau satu poligon sekata dan satu segi tiga. Kira luas bentuk gabungan itu.

### Kad 5

Pilih satu bentuk gabungan kubus dan kuboid. Kira isi padu bentuk gabungan itu.

- 2 Buat satu sesi *Goldfish Bowl* (Mangkuk Ikan Emas). Setiap kumpulan membentangkan hasil kerja dan kumpulan yang lain akan bertanya untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.
- 3 Kumpulkan hasil kerja semua kumpulan untuk dijadikan gegantung.
- 4 Pamerkan kad gegantung pada sudut matematik.

## Contoh hasil kerja





# 7

# KOORDINAT, NISBAH DAN KADARAN



## JARAK DI ANTARA DUA KOORDINAT

Jarak mengufuk dan jarak mencancang dari asalan


Satah Cartes menunjukkan beberapa kawasan di zoo. Kaunter tiket terletak di asalan.



Jarak setiap grid ialah 1 unit.



Jarak pada paksi-y ialah jarak mencancang.



Jarak pada paksi-x ialah jarak mengufuk.

- a. Jarak mengufuk burung kakaktua dari kaunter tiket ialah 4 unit.
- b. Jarak mencancang dari kaunter tiket ke jeti ialah 5 unit.
- c. Jarak mengufuk dari asalan ke singa ialah 5 unit. Jarak mencancang pula ialah  .

Jarak mengufuk dari asalan ialah  $x$  unit.

$(x, y)$

Jarak mencancang dari asalan ialah  $y$  unit.




7.1.1

- Mulakan pengajaran dan pembelajaran dengan mengimbas semula koordinat suatu titik pada sukuan pertama satah Cartes.
- Bincangkan jarak mengufuk dan jarak mencancang kawasan lain dalam satah Cartes di atas.

## Jarak mengufuk dan jarak mencancang di antara dua koordinat

Satah Cartes menunjukkan ruang di dalam rumah Rashwin.

- a Berapakah jarak mengufuk dan jarak mencancang dari dapur ke bilik 2?



Untuk ke bilik 2 dari dapur, bergerak 2 unit ke kanan dan 5 unit ke atas.



Tempat	Jarak dari asalan	
	Jarak mengufuk	Jarak mencancang
dapur	4 unit	0 unit
bilik 2	6 unit	5 unit

beza jarak  $6 \text{ unit} - 4 \text{ unit} = 2 \text{ unit}$

beza jarak  $5 \text{ unit} - 0 \text{ unit} = 5 \text{ unit}$


Jarak dari dapur ke bilik 2 ialah **2 unit mengufuk** dan **5 unit mencancang**.

Rashwin hendak ke tandas dari ruang tamu. Ceritakan jarak yang akan dilaluinya.





- b Kira jarak mengufuk dan jarak mencancang dari bilik I ke ruang makan.



Dari bilik I, bergerak 2 unit ke kiri dan [ ] unit ke bawah untuk ke ruang makan.

Jarak dari bilik I ke ruang makan ialah 2 unit mengufuk dan [ ] unit mencancang.




Nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang di antara:

- bilik 1 dengan bilik 2.
- ruang tamu dengan ruang makan.



Jarak mengufuk dan jarak mencancang dari titik L ( $a$ ,  $b$ ) ke titik M (1, 8) ialah 2 unit mengufuk dan 3 unit mencancang. Apakah nilai  $a$  dan nilai  $b$ ?



Berdasarkan satah Cartes di sebelah, nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang:

- titik A dari asalan.
- titik B dari asalan.
- titik C dari asalan.
- dari titik P ke titik T.
- dari titik Q ke titik P.
- dari titik P ke titik K.

2 Kira jarak mengufuk dan jarak mencancang dari:

- titik L (3, 6) ke titik J (4, 9).
- titik M (1, 8) ke titik N (5, 7).





## NISBAH ANTARA DUA KUANTITI

- 1 Gambar menunjukkan aktiviti perkhemahan unit beruniform.



Nisbah ialah perbandingan ukuran atau nilai dengan ukuran atau nilai yang lain.



- a Apakah nisbah bilangan ahli pengakap kepada bilangan ahli BSMM?

pengakap   BSMM  
nisbah tiga kepada lima  
3 : 5

Nisbah bilangan ahli pengakap kepada bilangan ahli BSMM ialah 3 : 5.

- b Nyatakan nisbah bilangan ahli BSMM kepada jumlah ahli BSMM dan pengakap.

   
5 : 8

Nisbah bilangan ahli BSMM kepada jumlah ahli BSMM dan pengakap ialah 5 : 8.

- c Nisbah jumlah ahli pengakap dan BSMM kepada bilangan ahli pengakap ialah  : .

Nyatakan nisbah bilangan lelaki kepada bilangan perempuan dalam gambar di atas.



- Tegaskan cara menulis dan menyebut nisbah yang betul. Contohnya 5 : 8 disebut nisbah lima kepada lapan.
- Sediakan soalan yang sesuai untuk menyatakan nisbah dan pastikan jawapannya tidak boleh dipermudah.


- 2 Yang berikut ialah sebahagian daripada resipi membuat dodol oleh Puan Maslina.

10 kg tepung pulut  
1 kg tepung beras  
11 kg gula pasir  
2 kg gula merah  
4 kg santan



Kita gunakan 11 kg gula pasir dan 10 kg tepung pulut.

- a Apakah nisbah jisim gula pasir kepada jisim tepung pulut?



Nisbah jisim gula pasir kepada jisim tepung pulut ialah 11 : 10.

- b Nisbah jisim tepung pulut kepada jumlah jisim tepung ialah 10 : .
- c Nisbah jumlah jisim gula kepada jisim gula merah ialah  : .

3

Nyatakan nisbah isi padu cecair mandian A kepada isi padu cecair mandian B.

Alif      2000ml    1l  
            2000 : 1

Raudah      2000ml    1l  
                  2l        1l  
                  2 : 1

Jawapan siapa yang betul? Mengapa?




7.2.1  
(i), (ii), (iii)

- Tegaskan unit ukuran dan sukatan mesti sama untuk menyatakan nisbah dua kuantiti.
- Dapatkan resipi lain dari laman web untuk aktiviti menyatakan nisbah.



Jisim setiap biji tembikai adalah sama. Nyatakan nisbah:

- jisim sebiji tembikai kepada jisim sebiji nanas.
- jisim sebiji nanas kepada jumlah jisim buah-buahan.



4 kg




3 kg



CUBA INI

1



Berpandukan gambar, nyatakan nisbah:

- bilangan ayam jantan kepada bilangan ayam betina.
- bilangan ayam jantan kepada jumlah ayam.
- jumlah ayam kepada bilangan ayam betina.

2

Jadual menunjukkan panjang kain yang dibeli oleh ibu Raysha.

Warna kain	Kuning	Hijau	Biru
Panjang	2 m	300 cm	4 m


Nyatakan nisbah:

- panjang kain kuning kepada panjang kain hijau.
- panjang kain biru kepada jumlah panjang semua kain.
- jumlah panjang semua kain kepada panjang kain kuning.

3

Gambar di sebelah menunjukkan isi padu cecair di dalam empat buah tabung uji. Nyatakan nisbah:

- isi padu cecair di dalam tabung uji A kepada isi padu cecair di dalam tabung uji B.
- isi padu cecair di dalam tabung uji B kepada jumlah isi padu cecair.








# KADARAN UNTUK Mencari Suatu Nilai

1



- 600 g biskut manis
- 200 g mentega
- 1 cawan coklat masakan
- 1 cawan susu pekat
- $\frac{1}{2}$  cawan serbuk koko
- $\frac{1}{2}$  cawan air masak
- 2 biji telur
- Esen vanila

Ibu, Faris dah dapat resipi untuk satu adunan kek batik.



a



Saya nak buat dua kek batik. Berapakah jisim mentega untuk 2 cawan coklat masakan?

1 cawan coklat masakan  $\rightarrow$  200 g mentega  
 2 cawan coklat masakan  $\rightarrow$   $2 \times 200 \text{ g} = 400 \text{ g}$   
 Jisim mentega untuk 2 cawan coklat masakan ialah **400 g**.

b

Berapakah jisim biskut manis yang diperlukan apabila menggunakan 300 g mentega?

200 g mentega untuk 600 g biskut manis.

Bahagi 2 untuk mencari jisim biskut manis bagi 100 g mentega.

$$\frac{100 \text{ g}}{200 \text{ g}} \text{ mentega untuk } \frac{300 \text{ g}}{600 \text{ g}} \text{ biskut manis.}$$

300 g mentega

$$200 \text{ g} + 100 \text{ g}$$

Jisim biskut manis diperlukan

$$600 \text{ g} + 300 \text{ g} = 900 \text{ g}$$

Jumlahkan jisim biskut manis bagi 200 g dan 100 g mentega.




Jisim biskut manis yang diperlukan apabila menggunakan 300 g mentega ialah **900 g**.



7.3.1

- Tegaskan penggunaan anak panah dalam perwakilan perkadaran.
- Bina soalan lain yang sesuai daripada resipi di atas untuk mengukuhkan pemahaman murid.

2



- a Hitung harga bagi 2 kg 400 g kacang hijau.

$$2 \text{ kg } 400 \text{ g} = 2 \text{ kg} + 400 \text{ g}$$

Langkah 1

$$\begin{aligned} 1 \text{ kg} &\rightarrow \text{RM}8.50 \\ 2 \text{ kg} &\rightarrow 2 \times \text{RM}8.50 \\ &= \text{RM}17.00 \end{aligned}$$

Langkah 2

$$\begin{aligned} 1 \text{ 000 g} &\rightarrow \text{RM}8.50 \\ 100 \text{ g} &\rightarrow \text{RM}8.50 \div 10 = \text{RM}0.85 \\ 400 \text{ g} &\rightarrow 4 \times \text{RM}0.85 = \text{RM}3.40 \end{aligned}$$

Langkah 3

2 kg

400 g

2 kg 400 g

$$\text{RM}17.00 + \text{RM}3.40 = \text{RM}20.40$$

Harga bagi 2 kg 400 g kacang hijau ialah **RM20.40**.

- b Adakah RM30 mencukupi untuk membeli 4 kg barli?

**Cara 1**  $\text{RM}7.30 + \text{RM}7.30 + \text{RM}7.30 + \text{RM}7.30 = \text{RM}29.20$

$$1 \text{ kg} + 1 \text{ kg} + 1 \text{ kg} + 1 \text{ kg} = 4 \text{ kg}$$

**Cara 2**

$$\text{RM}7.30 \rightarrow 1 \text{ kg}$$

$$2 \times \text{RM}7.30 = \text{RM}14.60 \rightarrow 2 \times 1 \text{ kg} = 2 \text{ kg}$$

$$2 \times \text{RM}14.60 = \text{RM}29.20 \rightarrow 2 \times 2 \text{ kg} = 4 \text{ kg}$$

Ya, RM30 mencukupi untuk membeli 4 kg barli.

Cari harga bagi 3 kg 500 g barli.





**Alat/Bahan** kad soalan, kertas A4, pen

**CONTOH KAD SOALAN**



Mencetak 1 350 keping kad dalam masa 10 minit.

Hitung bilangan kad yang dicetak dalam tempoh 12 minit.



Harga 4 kg biskut ialah RM58.

Berapakah harga bagi 2 kg biskut?

**Tugasan**

- 1 Jawab satu soalan yang diterima dalam kertas A4.
- 2 Pilih seorang rakan dan bentangkan jawapan masing-masing.
- 3 Baiki jawapan masing-masing.
- 4 Bentangkan hasil kerja di hadapan kelas.



**CUBA INI**

1 Yang berikut ialah resipi agar-agar koko untuk satu adunan.

- 1 paket/10 g serbuk agar-agar
- 400 ml susu sejat
- 800 ml air
- $\frac{3}{4}$  cawan gula pasir



- 3 sudu besar serbuk koko
- 1 helai daun pandan
- secubit garam

- a Hitung isi padu susu sejat yang diperlukan apabila menggunakan 20 g serbuk agar-agar.
- b Berapakah isi padu susu sejat untuk tiga adunan?
- c Berapakah jisim serbuk agar-agar untuk 1 200 ml air?

2



1 kg  
RM2.85

Gambar menunjukkan harga bagi 1 kg gula pasir.


- a Nyatakan harga bagi 2 kg gula pasir.
- b Berapakah jisim gula pasir yang dapat dibeli dengan RM8.55?





## SELESAIKAN MASALAH

**I** Satah Cartes menunjukkan kedudukan tempat bertugas bagi empat orang pengawas sekolah. Jessica bertugas di pintu masuk A. Jarak Resma bertugas dari Jessica ialah 4 unit mengufuk dan 3 unit mencancang. Apakah koordinat tempat Resma bertugas?




### Fahami soalan

- Jessica bertugas di pintu masuk A.
- Jarak Resma bertugas dari Jessica ialah 4 unit mengufuk dan 3 unit mencancang.
- Cari koordinat tempat Resma bertugas.

### Fikir cara

Pada satah Cartes, tandakan jarak 4 unit mengufuk dan 3 unit mencancang dari pintu masuk A.

### Selesaikan



### Semak

Koordinat tempat Resma bertugas  
(5, 3)

Koordinat tempat Jessica bertugas  
(1, 0)

Kira jarak mengufuk:  $5 \text{ unit} - 1 \text{ unit} = 4 \text{ unit}$

Kira jarak mencancang:  $3 \text{ unit} - 0 \text{ unit} = 3 \text{ unit}$

Koordinat tempat Resma bertugas ialah **(5, 3)**.

- 2 Pada asalnya, jisim bungkusan R dan jisim bungkusan T masing-masing ialah 1 kg dan 4 kg. Herma memasukkan sebiji tembikai susu berjisim 2 kg ke dalam bungkusan R. Hitung nisbah jisim bungkusan R yang terkini kepada jumlah jisim bungkusan R dan T yang terkini.


### Penyelesaian

Bungkusan	R	T
Jisim asal	1 kg	4 kg
Jisim sebiji tembikai susu yang dimasukkan ke dalam bungkusan	2 kg	tiada
Jisim terkini	?	4 kg

Ringkaskan maklumat dalam jadual.




Cari nisbah jisim bungkusan R yang terkini kepada jumlah jisim bungkusan R dan T yang terkini.



Lukis gambar rajah untuk mewakili jisim terkini.



nisbah jisim bungkusan R yang terkini kepada jumlah jisim bungkusan R dan T yang terkini



Nisbah jisim bungkusan R yang terkini kepada jumlah jisim bungkusan R dan T yang terkini ialah 3 : 7.



Berapakah nisbah jumlah jisim bungkusan R dan T yang terkini kepada jisim bungkusan T?



7.4.1

- Bimbing murid menggunakan perwakilan untuk menyatakan nisbah antara dua kuantiti.

- 3 Setiap hari, Encik Lau memandu kereta dari rumah ke pejabat sejauh 36 km. Dia menggunakan 3 ℓ petrol untuk perjalanan sehalu itu. Berapakah jarak, dalam km, yang dilalui dengan 40 ℓ petrol?

### Penyelesaian

Diberi



3 ℓ petrol → 36 km

Dicari

40 ℓ petrol → ? km

Cari jarak yang dilalui dengan 1 ℓ petrol.

$$36 \text{ km} \div 3 = 12 \text{ km (jarak bagi 1 ℓ petrol)}$$



$$40 \times 12 \text{ km} = 480 \text{ km (jarak bagi 40 ℓ petrol)}$$

Jom semak jawapan.



$$\begin{array}{r} 12 \text{ km} \\ 40 \overline{) 480 \text{ km}} \\ \underline{-40} \\ 80 \\ \underline{-80} \\ 0 \end{array}$$

$$12 \text{ km} \rightarrow 1 \text{ ℓ}$$

$$\text{Jarak untuk 3 ℓ} \rightarrow 3 \times 12 \text{ km} = 36 \text{ km}$$


Jarak yang dilalui dengan 40 ℓ petrol ialah 480 km.

Berapakah hari Encik Lau boleh menggunakan 40 ℓ petrol untuk perjalanan ulang-alik?





- 1) Satah Cartes menunjukkan kedudukan beberapa tempat di dalam suatu bangunan pejabat.



- Nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang dari S ke Q.
  - Apakah jarak yang dilalui oleh Lucy dari R untuk ke kantin?
  - Puan Edith bertugas di R. Jarak Encik Ragu bertugas dari Puan Edith ialah 3 unit mengufuk dan 1 unit mencancang. Apakah koordinat Encik Ragu?
- 2) Isi padu air yang tinggal di dalam botol J dan botol K masing-masing ialah  $0.5 \text{ l}$  dan  $3 \text{ l}$ . Hazel menuangkan  $1.5 \text{ l}$  air lagi ke dalam botol J. Nyatakan nisbah jumlah isi padu air yang terkini di dalam botol J dan K kepada isi padu air yang terkini di dalam botol J.
- 3) Adira menggunakan 2 cawan gula perang dan 5 cawan tepung untuk membuat sejenis biskut. Berapakah cawan gula perang yang diperlukan untuk 15 cawan tepung?
- 4) Sebuah mesin pencetak dapat mencetak 400 keping poster dalam masa 1 jam 20 minit. Berapakah masa, dalam minit, yang diperlukan untuk mencetak 700 keping poster yang sama?




# CUBA LAGI

1 Satah Cartes menunjukkan titik E, F dan G.

- a Nyatakan jarak:
  - i titik E dari asalan.
  - ii titik F dari asalan.
  - iii titik G dari asalan.

- b Nyatakan jarak dari titik E ke F.
- c Nyatakan jarak dari titik F ke G.



2 Nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang:

- a dari (3, 7) ke (5, 8).
- b dari (6, 2) ke (2, 3).

3 Jadual menunjukkan perbelanjaan Kaswini di kantin sekolah bagi empat hari.

Hari	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis
Wang	RM5	RM3	RM4	RM1

- a Nyatakan nisbah perbelanjaan pada hari Isnin kepada perbelanjaan pada hari Selasa.
- b Nyatakan nisbah perbelanjaan pada hari Rabu kepada jumlah perbelanjaan pada hari Isnin hingga Khamis.
- c Nyatakan nisbah jumlah perbelanjaan pada hari Isnin hingga Khamis kepada perbelanjaan pada hari Selasa.

4 Yang berikut ialah bahan-bahan yang digunakan untuk membuat bancuhan sirap.

150 ml pati sirap  
 1.25 l air  
 1 kg gula pasir



Hitung:


- a isi padu pati sirap apabila menggunakan 2 kg gula pasir.
- b jisim gula pasir yang diperlukan untuk 450 ml pati sirap.
- c isi padu air yang diperlukan untuk 225 ml pati sirap bagi mendapatkan rasa yang sama.





5 Selesaikan masalah di bawah.

a) Satah Cartes menunjukkan kedudukan khemah pasukan unit beruniform di suatu tapak perkhemahan.



Simbol	Pasukan
	Pengakap
	Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM)
	Puteri Islam
	Pandu Puteri
	Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS)

- i) Seorang ahli Pandu Puteri yang berada di (4, 2) ingin pulang ke khemah pasukannya. Apakah jarak mengufuk dan jarak mencancang yang akan dilaluinya?
- ii) Haris daripada pasukan TKRS bergerak 4 unit mengufuk dan 3 unit mencancang untuk berjumpa kawannya. Apakah nama pasukan unit beruniform kawan Haris? Nyatakan koordinat kawan Haris.

b) Neyla membeli 2 m reben biru. Dia juga membeli reben merah. Panjang reben merah itu lebih 1 m daripada panjang reben biru. Nyatakan nisbah panjang reben biru kepada panjang reben merah.

c) Jadual menyatakan jarak dan tempoh perjalanan sebuah Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dari Ipoh ke Kuala Lumpur.

Jarak	175 km
Tempoh	2 jam 40 minit

Berapakah jarak yang dilalui oleh ETS itu dalam tempoh 32 minit?



d) Harga sehelai seluar ialah 3 kali harga sehelai baju. Nyatakan nisbah harga sehelai baju kepada jumlah harga sehelai baju dan sehelai seluar itu.

## Alat/Bahan

dua dadu huruf (a-f dan g-l), 12 kad soalan (imbas kod QR), satu Cartes, kad jawapan pemain, jadual markah

## Peserta

4 orang murid sekumpulan dan seorang pengadil



## contoh kad soalan

Nyatakan huruf pada titik yang berada 4 unit mengufuk dan 3 unit mencancang dari titik g. **e**

Jisim sebungkus ciku	Jisim sebungkus langsung
2 kg	3 kg

Nyatakan nisbah jisim sebungkus ciku kepada jumlah jisim sebungkus ciku dan langsung. **c**



## contoh kad jawapan pemain

Nama pemain: Linda

Huruf	Jarak huruf dari asalan	Betul/salah	Jawapan kad soalan	Betul/salah
c	1 unit mengufuk 4 unit mencancang	✓	5 : 2	x
e	3 unit mengufuk	✓	Titik d	✓

## contoh jadual markah

Pusingan /pemain	1	2	3	Jumlah markah
Linda	5	10	5	20
Sukri	10	10	5	25
Wong	5	10	5	20
Kugan	5	5	5	15

## Cara bermain

- 1 Pemain pertama melontar salah satu dadu. Tulis jarak huruf yang tertera pada dadu dari asalan. 5 markah diberikan jika jawapan betul.
- 2 Pengadil memberikan soalan yang sepadan dengan huruf.
- 3 Pemain pertama menjawab soalan. 5 markah diberikan jika jawapan betul.
- 4 Tukar giliran dan main sehingga semua kad soalan habis dijawab.
- 5 Pemenang ialah pemain yang mendapat markah paling tinggi.



# 8

# PENGURUSAN DATA



## TAFSIR CARTA PAI


I

### KAJIAN OLEH KELAB MATEMATIK

tajuk

CARA MURID SK BUDI KE SEKOLAH

sektor



Sebanyak 14% murid di sekolah kita berjalan kaki ke sekolah.

data dalam peratus

Yang menaiki bas ke sekolah paling ramai.

Ya, lebih daripada separuh yang menaiki bas.

- a) Sebanyak  % murid berbasikal ke sekolah.
- b) Beza peratusan antara murid yang menaiki kereta dengan menaiki basikal ialah  %.

Bincangkan maklumat lain yang boleh kamu dapati daripada carta pai di atas.




Carta pai menunjukkan pecahan data dalam bentuk bulatan. Jumlah peratusan carta pai mesti 100%.



8.1.1

- Kumpulkan beberapa carta pai yang terdapat dalam majalah, buku atau keratan akhbar.
- Minta murid mentafsir maklumat daripada carta pai berkenaan secara berkumpulan dan membentangkan hasil kerja masing-masing.

**2** Aktiviti Masa Lapang oleh 80 orang Murid Tahun 6



Petunjuk: ■ Sahibba ■ Catur ■ Dam ■ Saidina ■ Sudoku

**a** Cari peratusan aktiviti *Saidina*.

$$\begin{aligned}
 &100\% - (10\% + 35\% \\
 &+ 22.5\% + 17.5\%) \\
 &= 100\% - 85\% \\
 &= \mathbf{15\%}
 \end{aligned}$$

Peratusan aktiviti *Saidina* ialah **15%**.

**b** Kira bilangan murid bagi aktiviti yang paling tinggi peratusannya.

Permainan yang paling tinggi peratusannya ialah *Sahibba*.



$$\begin{aligned}
 35\% \text{ daripada } 80 \text{ orang murid} &= \frac{\overset{7}{\cancel{35}}}{\underset{8}{\cancel{100}}} \times \overset{4}{\cancel{80}} \text{ orang murid} \\
 &= 28 \text{ orang murid}
 \end{aligned}$$

Bilangan murid bagi aktiviti yang paling tinggi peratusannya ialah **28 orang**.

35% murid bermain *Sahibba*.



**c** Berapakah bilangan murid yang bermain *Sudoku*?

Peratusan bagi *Sudoku* ialah 10%.

$$\begin{aligned}
 10\% \text{ daripada } 80 \text{ orang murid} &= \frac{\cancel{10}}{\cancel{100}} \times \cancel{80} \text{ orang murid} \\
 &= 8 \text{ orang murid}
 \end{aligned}$$


Bilangan murid yang bermain *Sudoku* ialah **8 orang**.

Adakah beza antara bilangan murid yang bermain dam dengan catur melebihi 5 orang? Bincangkan.



- Pelbagaikan soalan seperti mencari bilangan murid bagi dam, beza antara bilangan murid yang bermain *Sudoku* dengan *Sahibba* dan jumlah murid bagi dam dan *Sudoku*.
- Tegaskan pengurusan masa seharian supaya masa belajar lebih daripada masa bermain.

**3** Jenis Buku Kegemaran Murid Tahun 5 Dedikasi



Hitung peratusan penggemar komik.

6 orang daripada 30 orang murid gemar membaca komik.

Pecahan penggemar komik ialah  $\frac{6}{30}$ .

$$\begin{aligned} \text{Peratusan penggemar komik} &= \frac{6}{30} \times 100\% \\ &= \frac{2}{10} \times 100\% \\ &= 20\% \end{aligned}$$


Peratusan penggemar komik ialah **20%**.

Adakah peratusan penggemar buku fiksiyen dengan bukan fiksiyen ialah 80%? Buktikan.



**CUBA INI**

**1** Sukan yang Diminati oleh 200 Orang Murid



Teliti carta pai di sebelah dan jawab soalan yang diberikan.

- a** Apakah sukan yang paling diminati?
- b** Berapakah peratusan pemain pingpong?
- c** Kira bilangan pemain hoki.
- d** Hitung beza antara bilangan pemain pingpong dengan pemain badminton.

**2** Jawab soalan di bawah berpandukan carta pai warna kegemaran yang ditunjukkan.

- a** Berapakah peratusan peminat warna merah?
- b** Kira beza peratusan antara peminat warna biru dengan warna putih.
- c** Adakah peratusan peminat warna hitam mewakili 12.5%? Buktikan.

**Warna Kegemaran**



8.1.1

Galakkan murid mereka soalan sendiri berpandukan carta pai dan minta rakan menjawab soalan itu.



# MOD, JULAT, MEDIAN DAN MIN

1

## Kekerapan, mod dan julat bagi data

nilai derma terkecil atau nilai minimum

mod

nilai derma terbesar atau nilai maksimum

Wang Derma (RM)	Bilangan penderma
RM10	1
RM12	4
RM15	3
RM20	2
RM25	1

kekerapan paling tinggi

Julat ialah beza nilai maksimum dengan nilai minimum.

Kekerapan wang derma RM12 ialah 4. **RM12** ialah **mod** kerana mempunyai **kekerapan paling tinggi**.  
Apakah julat data?

**Julat** data ialah **RM15**, cikgu. RM25 tolak RM10 sama dengan **RM15**.

**Kekerapan** ialah bilangan sesuatu nilai dalam satu set data.

**Mod** ialah nilai yang paling kerap muncul dalam satu set data.

**Julat** ialah perbezaan antara nilai terbesar dengan nilai terkecil dalam satu set data.



14 13 13  15 12  13  10 15

Apakah nombor dalam  supaya set data ini mempunyai mod 12?  
Nyatakan julat bagi data.



2

Jadual di bawah menunjukkan rekod masa peserta lelaki tahun 5 Rumah Kenari dalam satu larian merentas desa.



### Rekod Masa Larian Merentas Desa

Nama	Masa
Zariq	26 minit
Peter Tan	23 minit
Hakimi	25 minit
Fazil	25 minit
Harvinder	26 minit
Cheng	28 minit
Amer	26 minit
Ikhwan	29 minit
Jason	26 minit

### Rekod Masa Larian Merentas Desa

23 minit	1 orang
25 minit	2 orang
26 minit	4 orang
28 minit	1 orang
29 minit	1 orang

1 orang mewakili 1 orang

Piktograf ini mewakili data rekod masa di sebelah. Kita akan menentukan median dan min bagi data ini.



- a Susun data secara menaik seperti berikut:  
23, 25, 25, 26, **26**, 26, 26, 28, 29

Data kelima berada di **tengah-tengah** data.  
Jadi, **median** ialah **26 minit**.

b

